

**UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA**

**TRANSKRIP TEMUBUAL BERSAMA  
ENCIK MUHD KARIM BIN ABDUL RAHMAN  
PENGURUS KELAB SERI MELATI GHAZAL  
MENGENAI WARISAN SENI MUZIK GHAZAL**

**FIKRIE AIMAN BIN KHAIRUL ANUAR**

**(2020993341)**

**NURUL SYAFIQAH BINTI MAT ISA**

**(2020960679)**

**FAKULTI PENGURUSAN MAKLUMAT**

**SEMESTER MAC 2021-JULAI 2021**

<b>ISI KANDUNGAN</b>	
<b>ABSTRAK</b>	i
<b>PENGHARGAAN</b>	iii
<b>SENARAI ABREVIASI</b>	iv
<b>SENARAI SINGKATAN</b>	v
<b>RUJUKAN KATA</b>	vi
<b>1.0 BIODATA PENEMUBUAL</b>	1
<b>1.1 Penemubual Pertama</b>	1
<b>1.2 Penemubual Kedua</b>	2
<b>2.0 BIODATA TOKOH</b>	4
<b>2.1 Biodata Mohamed Karim Bin Abdul Rahman</b>	4
<b>2.2 Pengenalan kepada Mohamed Karim Bin Abdul Rahman</b>	5
<b>3.0 SEJARAH LISAN</b>	7
<b>3.1 Pengenalan</b>	7
<b>3.2 Objektif Sejarah Lisan</b>	7
<b>3.3 Kepentingan Sejarah Lisan</b>	7
<b>4.0 KAJIAN LITERATUR</b>	10
<b>4.1 Topik 1: Seni Budaya</b>	10
<b>4.2 Topik 2: Ghazal</b>	11
<b>5.0 TRANSKRIP TEMUBUAL BERSAMA TOKOH</b>	13
<b>6.0 LOG TEMUBUAL</b>	63
<b>7.0 GLOSARI</b>	79
<b>8.0 INDEKS</b>	82
<b>9.0 BIBLIOGRAFI</b>	85
<b>10.0 LAMPIRAN</b>	88
<b>10.1 Biografi Tokoh</b>	88
<b>10.2 Surat Perjanjian</b>	89
<b>10.3 Senarai Soalan</b>	90
<b>10.4 Diari Penyelidikan</b>	93
<b>10.5 Gambar</b>	97

## ABSTRAK

Transkrip ini adalah mengenai kajian dan juga temubual yang dijalankan terhadap seorang penggiat seni warisan yang sangat aktif dalam bidang seni muzik ghazal. Transkrip ini juga membincangkan dengan lebih mendalam tentang ghazal dari pelbagai aspek seperti sejarah, definisi, jenis-jenis ghazal, teknik nyanyian, pakaian dan alatan-alatan yang terdapat di dalam ghazal. Seperti yang kita tahu warisan-warisan dan khazanah di negara kita perlu dijaga demi menjaga nilai yang dikandung oleh sesebuah warisan dan juga untuk tatapan generasi muda zaman sekarang agar mereka sentiasa mengenang jasa-jasa penggiat seni terdahulu. Tambahan itu, transkrip ini juga mengupas perjalanan hidup penggiat seni ini yang telah lama berkecimpung dalam bidang ghazal dari permulaannya menceburi bidang ghazal, aktiviti-aktiviti beliau, kisah suka duka sehingga ke pencapaian yang pernah dimiliki olehnya serta anugerah dan gelaran yang pernah disandang. Semoga kajian dan temubual yang telah dijalankan dapat memberikan maklumat yang tepat mengenai ghazal dan diharap dapat menjadi sumber kajian yang berguna pada masa hadapan.

**Kata kunci:** Ghazal, penggiat seni, kajian, temubual, seni warisan muzik ghazal, pencapaian.

This transcript is about a research and an interview conducted on a heritage art activist who is very active in the field of ghazal music art. This transcript also discusses more about the ghazal from various aspects such as history, definition, types of ghazals, singing techniques, costumes and musical instrument founds in the ghazals. As we know, the heritages and treasures in our country need to be taken care of in order to preserve the value contained in a heritage and also for today's young generation so that they always remember the sacrifices of past artists. In addition, this transcript also explored the life journey of this art activist who has long been involved in the field of ghazal from the beginning he enter the field of ghazal, his activities, stories of grief to the achievements he has had as well as awards and titles he has held. Hopefully the research and interviews that have been conducted can provide accurate information about the ghazal and hopefully can be as a useful source and evidence of research in the future.

**Keywords:** The ghazal, art activist, figure, achievement, interviews, research.

## PENGHARGAAN

Syukur Alhamdulillah kepada Allah S.W.T kerana dengan berkat dan keizinan dari-Nya, maka kami telah berjaya menyiapkan tugas bagi subjek IMR604 iaitu *Oral Documentation* bagi sesi Mac 2021 hingga Julai 2021. Tugas berkenaan adalah tentang kajian mengenai seni kebudayaan dan kami telah memilih seni muzik ghazal sebagai tajuk kajian kami. Insyaallah, tugas yang telah diberikan akan memberi banyak manfaat kepada kami dari segi menambahkan ilmu pengetahuan tentang ghazal dan juga merasai sendiri pengalaman sebelum, semasa dan selepas membuat kajian. Tambahan itu, banyak juga cabaran yang kami tempuhi ketika membuat kajian ini. Terutama apabila kita semua sedang berhadapan dengan pandemik Covid-19 dan harus mengamalkan norma baru serta SOP yang telah diperintahkan oleh pihak kerajaan dalam setiap apa yang dilakukan seperti melakukan sesi temu ramah secara atas talian. Cabaran seperti ini mengajar kami erti kesabaran yang tinggi dan menjadikan kami mahasiswa yang pandai menggunakan teknologi dengan betul dan bagus.

Kami ingin mengucapkan jutaan terima kasih dan setinggi-tinggi penghargaan kepada pensyarah subjek IMR604, Puan Siti Noorsiah Binti Jamaludin kerana tidak jemu-jemu memberi bimbingan, dorongan dan tunjuk ajar tentang cara- cara mengendalikan temubual yang betul, tips-tips dan perkara yang perlu dielakkan semasa temubual, cara menulis kajian dengan betul dan pelbagai lagi ilmu yang dicurahkan. Beliau juga sentiasa menjawab soalan-soalan kami dengan penuh sabar sama ada secara bersemuka ataupun secara atas talian sehingga kami berjaya menyiapkan kajian ini.

Tidak lupa juga kami ucapkan jutaan terima kasih kepada tokoh kami, Encik Mohamed Karim bin Abd Rahman kerana sudi menerima pelawaan kami untuk ditemuramah. Beliau seorang tokoh yang sangat mudah didekati dan sangat peramah. Beliau memberikan kerjasama yang amat bagus semasa sesi temubual dan memberikan maklumat-maklumat yang tepat bagi kami menyiapkan kajian ini dengan mudah. Kerjasama Encik Mohd Karim akan kami kenang dan semoga dia sentiasa berada dalam keadaan yang baik-baik sahaja.

Akhir kata, kami juga ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada ahli keluarga dan juga rakan-rakan yang turut membantu kami dalam menyiapkan kajian ini. Banyak soalan yang telah diajukan kepada mereka jika ada perkara yang kami tidak faham dan mereka sudi mengajar sehingga kami faham. Mereka juga banyak memberi sokongan moral kepada kami sehingga kami selesai menyiapkan kajian ini dengan jayanya. Kami berharap hasil kajian ini dapat memberi impak yang positif kepada generasi yang akan datang.

## SENARAI ABREVIASI

<b>SINGKATAN</b>	<b>MAKSUD</b>
GHAJMAS	Persatuan Ghazal Johor Malaysia
JKKN	Jabatan Kesenian dan Kebudayaan Negara
JKR	Jabatan Kerja Raya
NGO	Non-Government Organization
PHD	Doktor Falsafah
PIS	Pingat Ibrahim Sultan
PKP	Perintah Kawalan Pergerakan
PULAPOL	Pusat Latihan Polis
RTM	Radio Televisyen Malaysia
UiTM	Universiti Teknologi Mara
UPSI	Universiti Pendidikan Sultan Idris

## **SENARAI SINGKATAN**

FA: Fikrie Aiman bin Khairul Anuar

NS: Nurul Syafiqah binti Mat Isa

MK: Mohamed Karim bin Abdul Rahman

## RUJUKAN KATA

Ambik	Ambil
Apeni	Apa ni
Bagitau	Beritahu
Bawak	Bawa
Bikin	Buat
Bukak	Buka
Citer	Cerita
Diorang	Mereka
Eh/Ek	Ya/Ke
Gini	Begini
Je	Sahaja
Jugak	Juga
Juge	Juga
Kasi	Beri
Kat	Di
Kawin	Kahwin
Kecik	Kecil
Kut	Mungkin
Macamtulah	Begitu
Meh	Mari
Mintak	Minta
Ni	Ini
Pasal	Mengenai
Pastu	Selepas itu
Pelan-pelan	Perlahan-perlahan
Pior	Asli



Pulis	Polis
Renyah	Susah
Sesame	Bersama
Tak	Tidak
Takde	Tiada
Taktau	Tidak tahu
Taruk	Letak
Tiap-tiap	Setiap
Tu	Itu
TV	Televisyen
Ye	Iya

# **BIODATA**

# **PENEMUBUAL**

## 1.0 BIODATA PENEMUBUAL

### 1.1 Penemubual Pertama



<b>Nama:</b>	<b>Fikrie Aiman bin Khairul Anuar</b>
Tarikh Lahir	25 Disember 1999
Tempat Lahir	Hospital Melaka, Melaka
Alamat	No 45 Jalan Tengku Permaisuri Mastura, 9/14, Seksyen 9, Shah Alam, Selangor Darul Ehsan.
No. Telefon	011-29199076
Emel	<a href="mailto:fikrie.aiman61@gmail.com">fikrie.aiman61@gmail.com</a>
Program	Ijazah Sarjana Muda Sains Maklumat (Kepujian) Pengurusan Rekod (IM246)

## 1.2 Penemubual Kedua



<b>Nama:</b>	<b>Nurul Syafiqah Binti Mat Isa</b>
Tarikh Lahir	11 Mei 1999
Tempat Lahir	Hospital Sultanah Aminah, Johor Bahru
Alamat	No. 39, Jalan Sri Pulai Perdana, 4/4, Taman Sri Pulai Perdana, 81110, Johor Bahru, Johor, Darul Takzim
No. Telefon	019-7300127
Emel	<a href="mailto:nurulsyafiqahmay1999@gmail.com">nurulsyafiqahmay1999@gmail.com</a>
Program	Ijazah Sarjana Muda Sains Maklumat (Kepujian) Pengurusan Rekod (IM246)

# **BIODATA TOKOH**

## **2.0 BIODATA TOKOH**

### **2.1 Biodata Mohamed Karim Bin Abdul Rahman**

Nama penuh kepada tokoh Seni Muzik Ghazal yang dipilih bagi temubual sejarah lisan ini adalah Mohamed Karim bin Abdul Rahman. Beliau merupakan tokoh di dalam bidang warisan seni muzik ghazal. Beliau lebih senang dikenali dengan nama panggilan Pak Karim. Tokoh dilahirkan pada tarikh 14 November 1949 dan sekarang berumur 72 tahun. Nama ayah beliau ialah Abdul Rahman Haji Sidek dan nama ibunya ialah Halus Binti Sumah. Ibu beliau berasal dari Aceh. Tokoh yang lebih disenangi dengan panggilan Pak Karim merupakan anak ke 4 daripada 7 orang adik beradik. Beliau sudah pun mendirikan rumah tangga dan mempunyai 5 orang anak dan dikurniakan dengan 13 orang cucu. Pak Karim berasal daripada Kampung Pt. Patah, Pontian namun kemudian berhijrah ke Felda Bukit Batu dan seterusnya ke bandar Johor Bahru dan kini menetap di Taman Johor Jaya. Beliau bersekolah di Sekolah Rendah Kebangsaan Parit Patah, Pontian sehingga darjah 6 sahaja dan setelah itu beliau bergiat aktif dalam bidang seni muzik ghazal ini sehingga kini.

Pak Karim yang pada mulanya tidak mempunyai pengalaman dalam ghazal dan tidak mahir menggunakan alatan muzik ghazal telah menjadi mahir kerana beliau selalu mengikuti arwah ayah dan pakciknyanya yang mempunyai kumpulan ghazal tersendiri berlatih setiap hari sehingga dia tertarik dengan ghazal dan telah menjadi seorang tokoh ghazal yang disanjung ramai orang sehingga sekarang. Pak Karim juga mempunyai kumpulan ghazal tersendiri dan merupakan pengurus bagi kelab Seri Melati Ghazal yang ditubuhkan sejak 1969. Pakcik Karim merupakan seorang tokoh ghazal yang amat berbakat kerana beliau boleh menyusun lirik dan menggubah lagu dengan spontan dan boleh disiapkan dalam masa 2 atau 3 hari sahaja. Beliau juga mempunyai album tersendiri iaitu album Seri Melati Dangdut.

Telah banyak pencapaian yang telah dikecapi oleh Pak Karim antaranya Juara Pertandingan Ghazal anjuran RTM, Johan pertandingan ghazal di Pulau Pinang pada tahun 1975 dan banyak lagi. Beliau juga pernah mengiringi tarian bersama Taman Seni Budaya ke luar negara seperti Turki, Belanda, Perancis, Switzerland, India, Dubai, Riau, Pekan Baru, Batam dan Singapura. Pak Karim juga telah dianugerahkan sebagai tokoh oleh Jabatan Kebudayaan dan Kesenian pada 6 Julai 2018 dan telah menerima pingat PIS 3 daripada Sultan Johor, Sultan Iskandar. Beliau juga pernah menjadi penasihat GHAJMAS (Persatuan Ghazal Johor Malaysia). Akhir kata, Pak Karim merupakan tokoh yang sangat berbakat dan dengan adanya kajian seperti ini, diharapkan jasanya dalam bidang ini akan sentiasa dikenang dan dijadikan pedoman supaya ghazal sentiasa dikekalkan keasliannya dan tidak lapuk ditelan zaman.

## **2.2 Pengenalan kepada Mohamed Karim Bin Abdul Rahman**

Tokoh yang dipilih ini ditemui melalui pencarian di sebuah laman sesawang yang bernama 'Perak Today'. Laman sesawang ini menceritakan tentang penglibatan tokoh tersebut yang sangat aktif dalam seni muzik ghazal. Kami telah mendapatkan nombornya melalui pencarian tentang Kumpulan Ghazal Seri Melati Johor Bahru di *Google* dan kemudian menghubungi tokoh untuk bertanya tentang kesudiannya untuk ditemuramah dan supaya senang untuk menghubunginya sepanjang sesi temuramah. Kami memilih tokoh ini kerana sesuai dengan syarat-syarat yang ditetapkan oleh pensyarah kami iaitu beliau haruslah mempunyai pengalaman selama 25 tahun dan telah menerima banyak pengiktirafan dalam bidang tersebut.

# **SEJARAH LISAN**



### **3.0 SEJARAH LISAN**

#### **3.1 Pengenalan**

Sejarah lisan merupakan kajian yang dapat menyimpan data masa lampau walaupun tempoh masa dan peristiwa telah berlalu. (Saad et al., 1970). Bidang sejarah lisan telah dipelopori oleh Herodotus yang menjalankan proses temuramah individu untuk mendapatkan peristiwa-peristiwa sejarah yang dianggap penting pada masa lampau (Starr, 1984). Menurut (Ahmad, 1987) sejarah lisan merupakan satu kaedah atau teknik penyelidikan moden yang bertujuan untuk memelihara pengetahuan-pengetahuan sejarah melalui pengkisahan.

#### **3.2 Objektif Sejarah Lisan**

- i. Untuk mendapatkan keterangan daripada seseorang yang berpengalaman secara terus dan khusus
- ii. Untuk menghasilkan satu dokumentasi berkenaan tajuk kajian dalam bentuk rakaman dan transkrip.
- iii. Untuk mengetahui sejarah dan peristiwa yang berlaku di masa lampau.

#### **3.3 Kepentingan Sejarah Lisan**

Sebagai usaha untuk mengekalkan sejarah dan peristiwa-peristiwa yang berlaku di masa silam, sejarah lisan adalah satu cara yang baik untuk mendapatkan cerita yang telah lalu daripada seseorang yang berpengalaman dan merasai suasana di masa silam. Hal ini kerana, dewasa ini, meskipun segala maklumat boleh didapati dengan cepat dengan mencarinya di laman sesawang dan sebagainya. Akan tetapi, ianya tidak memberikan suatu perasaan di mana pengkaji dapat berinteraksi secara terus dengan tokoh yang berpengalaman dalam sejarah lalu.

Selain itu, sejarah lisan ini berkepentingan untuk memelihara segala warisan dan sejarah tradisional negara supaya ianya tak luput ditelan zaman. Hal ini kerana, sejarah lisan biasanya dilakukan dengan merakam temubual bersama tokoh-tokoh tertentu yang pernah mempunyai pengalaman dalam jurusan yang tertentu. Oleh yang demikian, rakaman tersebut dapat didengari oleh para pengkaji atau masyarakat dengan mendapat gambaran untuk melalui bagaimana kehidupan tokoh tersebut di masa lalu.

Akhir sekali, boleh digunakan sebagai suatu metodologi dalam pembelajaran di dalam kelas sebagai bantuan untuk pelajar lebih memahami erti sejarah dengan lebih teliti. Dengan ini, pelajar akan lebih seronok untuk mengetahui dan mempelajari sejarah dan budaya tradisional negara supaya sejarah dan budaya ini sentiasa terjaga dan dipelihara serta budaya atau warisan dan kesenian yang diperkenalkan sejak dulu dapat diteruskan dari generasi ke generasi. Bak kata pepatah, “tak lekang dek hujan, tak lapuk dek panas”.

Teknik sejarah lisan daripada pengkaji ini dilakukan secara temubual di atas talian bersama tokoh seni budaya muzik ghazal, Mohamed Karim Abdul Rahman. Kaedah yang dipilih iaitu temubual secara atas talian ini kerana adanya wabak penyakit berjangkit yang melanda dunia pada ketika ini. Oleh yang demikian, demi menjaga dan melindungi diri daripada dijangkiti dan membawa wabak yang merbahaya ini, pengkaji dan tokoh bersetuju untuk melakuka temubual ini seacara di atas talian sahaja.

# **KAJIAN LITERATUR**

## 4.0 KAJIAN LITERATUR

### 4.1 Topik 1: Seni Budaya

Seni budaya merupakan frasa kata seni dan budaya. Menurut (Thomas Munri, 2002), seni merupakan salah satu ciptaan manusia yang dapat menimbulkan yang mendalam terhadap jiwa sesiapa yang melihatnya. Manakala menurut (Leo Tolsoy, 2000) pula, orang yang mencipta karya seni dapat memberikan suatu perasaan kepada orang ramai melalui hasil seni nya. Segala yang dihasilkan oleh manusia dalam konteks kepada masyarakat yang mempunyai wawasan dan tindakan dapat didefinisikan sebagai kebudayaan (Koentiaraningrat, 1984). Menurut (Herkovist, 1948) sesuatu yang diwariskan kepada setiap generasi daripada generasi sebelumnya juga dianggap sebagai kebudayaan. Frasa seni budaya pula biasanya diertikan sebagai suatu karya seni yang dibuat oleh kelompok masyarakat sebagai tradisi yang boleh diturunkan kepada generasi akan datang. Menurut M. Thoyibi, rasa seni yang menjelma dan merasakan dan meresapi di dalam peradaban sejarah manusia adalah pengertian bagi seni budaya. Maka, idea yang diespresikan dalam pemikiran mengenai seni budaya ini perlu dipelihara dengan baik

Dewasa ini, seni budaya tradisional semakin menyepi dan jarang dikenali dan dipraktikkan oleh masyarakat generasi kini. Oleh itu, seni budaya ini perlu dipelihara dan dijaga supaya tidak luput ditelan zaman. Hal ini kerana, menurut (Bahar,1992), muzik yang berasaskan seni Melayu tradisional berkemungkinan akan sama ada dapat diterima, atau akan pupus ditelan zaman. Hal ini jelas menunjukkan bahawa jika seni budaya ini tidak dijaga, maka ia akan terhapus dan hilang dari masa ke semasa. Meskipun arus berubah, seni budaya negara tidak boleh diubah, apatah lagi dilupakan. Warisan seni budaya ini amat penting untuk dijaga dan dipelihara kerana menurut (Evita & Lappia, 2019), tempat dimana adanya sesuatu kebudayaan itu bukanlah bermaksud memiliki kebudayaan tersebut, tetapi manusia yang memiliki kebudayaan tersebut. Seni budaya ini juga amat penting untuk dipelihara supaya dapat diteruskan dan dikenali pada generasi yang seterusnya. Seperti yang dikatakan (Kayam, 1981), masyarakat yang menyokong kebudayaan dan dengan demikian juga kesenian mencipta, memberi peluang untuk bergerak, memelihara, meularkan, mengembangkan untuk kemudian mencipta kebudayaan baru lagi.

## 4.2 Topik 2: Ghazal

Sejak pada awal abad ke-19 lagi, apabila Parsi dan Hindustan mempengaruhi irama, tema, dan alat muzik di Malaysia, maka bermulalah Muzik Ghazal Melayu Johor. (Jaafar et al., *Kertas Kerja Persidangan Kearifan Tempatan*). Sebelumnya, di samping nyanyian-nyanyian ghazal ini berkembang di Persia dan India, dari India ini pulalah nyanyian nyanyian ghazal dibawa ke alam Melayu dan diterima sebagai salah satu rentak lagu-lagu asli dalam budaya masyarakat Melayu. Walaupun India yang membawa ghazal ini ke Malaysia, tetapi Arab adalah di mana asalnya muzik Ghazal (Martarosa, 2017). Ghazal membawa maksud keganjilan, dimana datangnya dari Bahasa Arab (Batam Pos, 2006). Menurut (Hamid, 1983) ghazal (al-ghazl) membicarakan persoalan percintaan, nasihat dan pengajaran. Ghazal Melayu mula berkembang di tanahair Malaysia bermula di Johor, oleh seorang tokoh yang digelar “Bapak Ghazal Melayu Johor” iaitu Pak Lomak. Menurut (Abdullah Bin Mohamed, 1971), Pak Lomak merupakan cucu kepada Dato Bentara Luar Mohamed Salleh bin Perang, yang merupakan peminat tegar kepada ghazal dan mengambil inisiatif mengembangkan ghazal di Johor. Menurut beliau lagi, Pak Lomak membawa muzik Melayu termasuk Ghazal ke kawasan kawasan di Johor. Justeru itu, muzik Ghazal ini berkembang dan menjadi budaya tradisional Malaysia. Hal ini sedikit sebanyak membolehkan masyarakat negara Malaysia meraih fungsi muzik Ghazal ini sendiri.

Menurut (Asri, 2015), Ghazal dapat berfungsi dalam mengungkapkan emosi, dapat digunakan untuk berhibur, serta sebagai suatu medium untuk komunikasi. Hal ini kerana Ghazal diungkapkan dengan emosi, dan muzik nya dapat dijadikan sebagai hiburan. Menurut (Muhammad Takari, 2005), lagu daripada muzik ghazal ini dapat diterima oleh orang Melayu kerana ia mempunyai unsur keagamaan, serta kebanyakan lagu ghazal ini kebanyakannya mengucapkan pujian kepada Allah & Nabi Muhammad. Menurut (Jilin Syahrial & Muhammad Dja'far, 2007) juga, Al-Ghazali mengaitkan lagu ghazal dengan kisah cinta di mana ia mencipta harapan untuk bertemu pada waktu yang akan datang. Di dalam sesuatu majlis juga boleh menggunakan ghazal iaitu Ghazal Parti sebagai fungsi untuk menjadikan sesuatu majlis itu lebih meriah dan membuatkan mereka yang hadir terhibur. (Siti Rohaya, 2010).

**TRANSKRIP  
TEMUBUAL  
BERSAMA  
TOKOH**

## 5.0 TRANSKRIP TEMUBUAL BERSAMA TOKOH

**FA:** Assalamualaikumwarahmatullahiwabarakatuh dan salam sejahtera. Berikut adalah temubual sejarah lisan sesi pertama mengenai latar belakang dan pengalaman hidup seorang tokoh dalam bidang seni muzik ghazal. Bersama – sama kami ialah Encik Muhd Karim Bin Abdul Rahman yang merupakan seorang penggiat seni muzik ghazal. Rakaman ini dijalankan pada tarikh 22 Mei 2021 bersamaan dengan hari Sabtu pada pukul 10 pagi bertempat di platform *Google Meet*. Temubual ini dikendalikan oleh Fikrie Aiman Bin Khairul Anuar dan juga Nurul Syafiqah Binti Mat Isa. Dengan segala hormatnya temubual dimulakan.

(Terdiam seketika)

(Batuk kecil) (Gangguan bunyi)

(Terdiam seketika)

**FA:** Pak Karim nak mula?

MK: Haa ye.

**FA:** (Tersenyum) (Menyelak kertas) okay jadi Pak Karim --

MK: Saya.

**FA:** Kita mulakan dengan sesi soalan orientasi dulu ye.

MK: Baik --.

**FA:** Boleh tak Pak Karim ceritakan serba sedikit tentang Pak Karim? Nama penuh dan sebagainya.

MK: Oh. Nama penuh Pak Karim, Muhd Karim Bin Abdul Rahman. Berasal

dari Kampung Parit Patah, Pontian, Johor.

**NS:** Oh Pontian. (mengangguk)

MK: Dan dari kecil berminat dengan muzik ghazal seperti menyanyi, bermain gitar, bermain peti harmonium bersama- sama kumpulan ghazal dikampung disaat itulah dan dengan arwah bapak dan pakcik-pakcik disana.

**FA: Okay. Boleh saya tahu tarikh lahir Pak Karim?**

MK: Tarikh lahir saya empat belas haribulan sebelas seribu sembilan ratus empat puluh sembilan. [14/11/1949]

**NS: Oh (mengangguk) (tersenyum)**

MK: Dan menjangkau umur insha allah bulan sebelas ni tujuh puluh dua tahun. Masih muda lagilah.

**NS: Masih muda. (Pak Karim gelak besar) (Syafiqah gelak kecil) (Fikrie ketawa sambal menutup muka)**

**FA: Okay. Boleh saya tahu nama ibu dan bapa Pak Karim?**

MK: Nama ibu saya, nama dia Halus Binti Sumuh. Dia berasal daripada Aceh. Nama bapak, nama bapak -- bapak (melihat ke tempat lain dan berfikir) Abdul Rahman Haji Sidek. Lupa dah (Pak Karim & Syafiqah gelak kecil) Sedih pulak (Pak Karim ketawa kecil)

**FA: Okay Pak Karim --**

MK: Saya.

**FA: Pak Karim ada berapa orang anak?**

MK: Ada lima orang anak.

**FA & NS: Lima**

MK: Lima. Semua ada, cuma yang satu tu dah meninggal lah. Yang nombor satu.

**FA: Oh (mengangguk)**

MK: Yang lain semua ada. (Gangguan) (Pak karim batuk kecil)

(terdiam seketika)

**FA: Lepastu, anak Pak Karim ada lima.**

MK: Ye.

**FA: Kalau cucu dah ada?**

MK: Cucu saya semua sekali tiga belas. Ye, tiga belas semua sekali.

**NS: Oh (mengangguk kecil) (tersenyum)**



MK: Ada banyak. Kumpul duit raya banyak juga tu. Lumayan.

(Fikrie, Syaf dan Pak Karim gelak besar)

MK: Tapi, yang kat Kuala Lumpur ada dua. Satu Rawang [Selangor], satu kat KL [Kuala Lumpur, Johor] tak dapat balik.

**NS: Oh (mengganguk)**

MK: Yang balik kat sini jelah. Haah

**FA: Oh okay**

MK: Ye

**FA: Pak Karim ada berapa orang adik beradik?**

MK: Ada tujuh adik beradik. Tujuh.

**FA: Oh (mengganguk)**

MK: Saya nombor empat.

**NS: Oh.**

**FA: Tujuh, empat.**

**FA: Jadi, sekarang ni Pak Karim tinggal dekat mana?**

MK: Sekarang ni duduk di Taman Johor Jaya. Haah. Tapi sekarang ni tengah online ni di-- rumah anaklah di Taman Mahsuri di-- apa, Ulu Tiram.

**FA: Oh Ulu Tiram (mengganguk)**

MK: Ha Bandar Tiram.

**FA: Okay jadi Pak Karim daripada kecik menetap dekat pontian ataupun dah dekat Johor? Dekat Johor.**

MK: Saya setelah lahir di Pontian [Johor] tu lepastu kita berhijrah di Felda Bukit Batu, Pulau [Johor].

**FA & NS: Oh**

MK: Kat situ pun ada berkecimpung dengan ghazal juga kat situ. Lepastu berhijrah lagi ke bandar Johor Bahru ikut kumpulan ghazal yang lain lah. Ghazal Tampoi. Lepastu tahun enam puluh sembilan [1969] tertubuhnya kumpulan Seri Melati Ghazal hingga sekarang lah. Tahun enam puluh Sembilan [1969].

**FA: Okay. Jadi sepanjang penghijrahan tu, daripada zaman sekolah ke atau dah melepasi zaman sekolah?**

MK: Dah lepas sekolah.

**FA: Oh sekolah**

MK: Sekolah-- setakat darjah enam aje.

**FA & NS: Ohh**

MK: Saya.

**NS: Apa nama sekolah Pakcik Karim? Yang sekolah rendah.**

MK: Sekolah-- Rendah Kebangsaan Parit Patah, Pontian.

**NS: Oh.**

MK: Sekarang masih ada lagi sekolah tu. Sekolah tu. Kebangsaan Parit Patah. Kebangsaan. Parit dia banyak patah-patah lah agaknya tu.

**NS: (ketawa kecil)**

MK: (ketawa besar)

**NS: Oh.**

MK: Dia dekat sana macam- macam nama kat kampung tu. Ada parit bengkok, ada parit patah, ada parit putus ada, ada koci pun ada. (Syafiqah ketawa kecil) Macam- macam ada. Tapi yang kita duduk tu Parit Patah.

**NS: Oh. (mengangguk)**

MK: Kita pergi sekolah naik basikal.

**NS: Zaman dulu kan. (melihat ke bawah menulis sesuatu)**

MK: Ye zaman dulu tahun 60-an.

**FA: Okay rasanya soalan orientasi sudah habis sampai sini.**

MK: Baik.

**FA: Ada pape lagi nak tanya syaf?**

MK: Ha, tanya --

**NS: Setakat ni takde untuk soalan orientasi. So [jadi] jadi Pak Karim kita nak mula kepada soalan yang lebih umum berkenaan dengan Pak Karim dan juga ghazal. Okay so [jadi] pertama sekali saya nak tanyalah dekat Pak Karim sebagai orang yang dah berpengalaman kan dalam bidang ni, yang dah lama. Saya nak tanya dari mana sebenarnya asal seni muzik ghazal ni? Berdasarkan pengetahuan Pakcik Karim.**

MK: Maksudnya ghazal tu dari mana?

**NS: Ye saya (mengangguk)**

MK: Oh asal dia. Asal dia kalau itu nanti cucu boleh bacakan asal dia. Mari sini (memanggil cucu) Saya punya cucu bahagian baca bahagian sejarah ghazal ni. Semalam -- pun dia yang bacakan.

**FA & NS: Ohh**

MK: Cucu saya ni-- dia UiTM juga. Shah Alam.

**NS: Oh!**

MK: Ha yee.

**NS: Oh! Course [jurusan] apa tu Pakcik Karim?**

MK: Azreena! Apa tu?

**NS: Jurusan apa?**

MK: Jurusan -- (Pakcik Karim bercakap dengan cucu). Fakulti Muzik.

**FA & NS: Ohh**

MK: Haah dia sekarang cuti ni kat rumah jelah. Belajar online. Haa bacakan. (Pak Karim ketawa kecil) Semalam dia tukang baca juga. Saya mata tak berapa awas. (Memberikan *earphone* [fon telinga] kepada cucu) (Teks dibaca oleh cucu: Baca eh. Saya ceritakan sikitlah muzik ghazal Johor ni. Okay ghazal merupakan genre muzik yang berasal dari Timur Tengah yang telah disesuaikan dengan citarasa budaya Melayu yang bermaksudkan puisi pantun sebagai liriknya. Pada akhir abad ke-19, sewaktu kerajaan Johor menjalin hubungan yang erat

dengan kerajaan Riau Lingga, golongan bangsawan Johor sering berulang- alik ke Riau. Mereka mula tertarik dan terhibur dengan muzik Ghazal yang terdapat di Riau. Justeru, terdapat antara mereka yang telah menguasai genre muzik ini dan memperkenalkannya di istana Sultan Johor. Pada ketika itu adalah di Teluk Belanga, Singapura. Dari istana Teluk Belanga inilah muzik ghazal semakin mendapat perhatian pelbagai pihak yang merangkumi golongan dan kerabat diraja, pembesar- pembesar negeri dan selanjutnya ke peringkat rakyat jelata. Apabila pentadbiran Johor berpindah, dari Teluk Belanga ke Tanjung Puteri, muzik Ghazal turut berkembang ke tanah besar Johor. Perkembangan seni muzik Ghazal di negeri Johor berkait rapat dengan peranan Dato Bentara Luar Muhamad Salleh bin Perang. Dalam usahanya membuka daerah- daerah baru di Johor, beliau turut memperkenalkan seni muzik Ghazal yang selalunya diperdengarkan di rumah-rumah penghulu. Pada hari-hari keramaian atau majlis- majlis tertentu muzik Ghazal dipersembahkan kepada orang ramai. Selain Dato Bentara Luar, ramai lagi kerabat dan pembesar istana turut berperanan memperkenalkan dan mensohorkan kesenian muzik ini di Johor. Sekadar menyebut beberapa nama, Ungku Ahmad Bin Mohd. Khalid, Ungku Mohammed bin Mohd. Khalid, Ungku Sulaimen bin Daud, Ungku Abdul Aziz bin Abdul Majid dan Encik Dapat adalah antara kerabat dan golongan bangsawan yang gigih mengetengahkan seni muzik gemalai dan mendayu ini di Johor. Itulah sekian sahaja latar belakang muzik ghazal Johor ni.)

**FA: Baik, terima kasih**

**NS: Terima kasih diatas penerangan.**

MK: (Memakai semula earphone [fon telinga]) (ketawa kecil) Azreena Natasha nama dia.

**FA: (ketawa kecil)**

**NS: Siapa nama dia Pakcik Karim?**

MK: Nama dia Azreena Natasha. (Azreena bercakap) Nama account [akaun] ni. Ha nama account ni.

**FA & NS: Oh nama *account* [akaun]. Okay.**

**NS: Terima kasih Azreena Natasha**

MK: (Azreena bercakap) Sama sama. Terima kasih. Sama sama.

**NS: Okay jadi kita ke soalan yang seterusnya.**

MK: Baik

**NS: Apakah yang membuatkan Pakcik Karim tertarik untuk menceburi bidang seni musik ni? Sebab Pakcik Karim sendiri bagitau tadi daripada kecik Pakcik Karim dah turut serta kan. Jadi apa yang membuatkan Pakcik Karim mula – mula tertarik bila melihat ghazal ni?**

MK: Tertariknya mulanya pasal ini arwah -arwah ni pakcik, arwah bapak semua yang lain-lain semua memang ada group di kampung. Jadi kita pun ikut-ikut sama-samalah. Mula- mula taktahu apa -apalah kan. Tapi pelan- pelan kita ikut-ikut main-main gitar, nyanyi, main peti harmonium lama lama kita jadi tertarik. Ah tertarik. (Syafiqah dan Fikrie mengganguk) Pasal benda tu bagus kan. Baik jugak. Hingga sekarang.

(terdiam seketika)

**NS: Jadi saya nak tanya dalam-- ghazal ni kita selalunya ada dua posisi kan macam satu tu dia untuk main alatan muzik. Satu tu dia lebih focus kepada alat muzik. Jadi Pakcik Karim bahagian yang mana? Nyanyi ke ataupun main alat muzik?**

MK: Saya boleh menyanyi dan juga bermain alat muzik.

**NS: Oh boleh dua --.**

MK: Yang sekarang ni dulu main gitar lah yang sekarang ni dah main peti harmonium lah (berpaling ke peti harominum) Peti harmonium pun kat sini ada kalau nak tunjukkanlah. (mainkan peti harmonium) Kan kita boleh main apa lagu-lagu perbezaan antara ghazal dengan asli.

**NS: Ohh**

MK: Nanti saya boleh tunjukkan.

**FA: Okay.**

**NS: Boleh tak nak mintak dengar sikit satu baris lah nyanyian ghazal tu sendiri?**

MK: Oh boleh. Kena bayar lah dulu (ketawa kecil) (memusingkan badan menghadap peti harmonium)

**FA & NS: (ketawa kecil)**

MK: Kita main lagu ini (main peti harmonium) (menyelak kertas) lagu nama apa namalah Siti Payung (mainkan peti harmonium) (bercakap dengan cucu) (mula bermain peti harmonium sambil bernyanyi) ini bentuk Ghazal eh (sambil bermain harmonium dan menyanyi) “Kalau lah tidak kerana lah bulan, tidak bintang meninggi hari. Kalau lah tidak kerana lah bulan, tidak

bintang meninggi hari. Kalaulah tidak kerana lah tuan, siti lah payung, tidaklah saya sayang, tidaklah saya kemari sampai kemari. Kalaulah tidak keranalah tuan, Siti lah payung, tidaklah saya sayang, tidaklah saya kemari sampai kemari” (berhenti menyanyi dan bermain alat muzik) Ah itu cara ghazal.

**NS: (tepuik tangan) Sedapnya!**

**FA: Sedap! (ketawa kecil)**

MK: (ketawa kecil) Kalau nak tunjuk cara asli kita tunjuk sikit. Lagu yang sama ye. Tapi dia --,

**NS: Yang tadi secara apa Pak Karim?**

MK: Yang tadi tu secara ghazal. Ah dia ghazal dia ada berbeza sikit. Secara ghazal macam gitu. Dia ada macam ada bentuk yang lain. Ada parsi (membuat bunyi menunjukkan jenis ghazal). Ah itu dia. -. Kalau yang asli macam gini. (mula bermain peti harmonium dan menyanyi) “Kalau lah tidak kerana lah bulan, tidak bintang meninggi hari. Kalau lah tidak kerana lah bulan, tidak bintang meninggi hari. Kalau lah tidak keranalah tuan, Siti Payung, tidaklah saya, sayang, tidak lah saya sampai kemari. Kalau lah tidak kerana lah tuan, Siti lah Payung, tidaklah saya, sayang, tidaklah saya kemari sampai kemari” (berhenti menyanyi dan berhenti bermain alat muzik) Ah tu contoh dia. Dia berbeza sikit. Dia rentak asli dengan ghazal.

**NS: Oh. Nampak tu beza dia (mengangguk)**

MK: Tu beza dia lah. Haah.

**NS: Sedap Pakcik Karim main. (senyum)**

MK: Alhamdulillah. Boleh tahan

**NS: Masih berbisa bakat tu**

MK: (ketawa dan memusingkan badan semua menghadap kamera komputer).

**NS: Okay jadi Pakcik Karim tadi Pakcik Karim kata pakcik tertarik sebab tengok arwah ayah semua main kan. Disamping tu ada tak Pakcik Karim terima mana-mana latihan khusus daripada agensi-agensinya yang terlibat dengan seni muzik ni?**

MK: Kalau agensi-agensinya yang lain rasa tak-takdelah. Semua biasanya pada daripada orang-orang lama, daripada ketua-ketua ghazal lama, sedikit sebanyak dia ada mengajar ngajar kita

lah. Sedikit sebanyak lah. Main peti harmonium, nyanyi, cara nyanyi yang betul ghazal begitulah.

**NS: (mengangguk) Oh faham. Pada pendapat Pakcik Karim sendiri dekat dalam tradisional muzik Melayu ni kan ada macam-macam kan. Ada macam-macam jenis muzik yang terdapat.**

MK: Ye betul (mengangguk)

**NS: Jadi ada, apa yang-- membuatkan ghazal ni unik berbanding dengan muzik-muzik tradisional yang lain?**

MK: Ghazal ni dia unik sikit pasal dia boleh berbagai-bagai lagu. Kalau sape yang ingin nak masukkan dalam seni muzik ghazal contohnya macam lagu-lagu asli, lagu-lagu \_, lagu-lagu ini macam klasik, macam lagu 'Empat Dara', macam lagu 'Penawar Rindu'. Tu semua kira boleh masuk dalam-- apa bentuk- bentuk ghazal lah. Kalau lagu seloroh juga kalau yang boleh bawak boleh-- masukkan. Tu unik dia.

**NS: (mengangguk) Kiranya ghazal ni semua-- lagu kita boleh jadikan dia --**

MK: Iya. Boleh. Kita ikut aje lagu ape yang kita sesuaikan. Tapi cuma barang-barang dia jangan larikan lah. Jangan pulak pakai akordian. Kalau pakai akordian tu dah jadi macam ghazal dia panggil ghazal-- kawasan- kawasan Kedah.

**NS: Oh.**

MK: Kedah, Perak. Itu dia panggil Ghazal Parti.

**NS: Oh**

MK: Kalau Johor ni dia panggil-- ghazal *pure* [asli] betul.

**NS: Haah betul**

MK: Ghazal Johor. Kalau Kedah sana dia panggil Ghazal Parti. Dia pakai akordian, dia pakai apa, gambus. Kita ada juga gambus, tapi kita punya gambus tu ghazal Johor.

**NS: Oh betul-- Kalau- - Pakcik Karim ingatkan siapa yang khusus, nama-- siapa yang khusus dalam mengajar Pakcik Karim?**

MK: Oh nama yang khusus

**NS: Sebab Pakcik Karim katakan daripada arwah daripada orang-orang lama. Ada tak yang khusus?**

MK: Khusus daripada awal tu memang arwah-arwah bapak ni, arwah pakcik semua. Lepastu dah tertubuhnya Seri Melati jadi arwah ni lah, kita punya ketua Ghazal-- Seri Melati, nama dia Md Nor, Mohd Nor Bin Said dan juga pemimpin ghazal masa tu ni Abdul Wahid Aziz. Dia yang banyak-- apa

**NS: Oh**

MK: Sedikit sebanyak mengajar-- kitalah. Sekarang semua orang tu dah takde dah.

**NS: Oh (terdiam seketika) Jadi sekarang Pakcik Karim sendiri yang belajar ghazal, *conduct* [mengetuai] ghazal tu sendiri kan. Saya nak tanyalah Pakcik ada ke macam bukak kelas ke untuk ajar dekat generasi sekarang tentang ghazal ni?**

MK: Bukak-- kelas tu takde tapi Pak Karim ada ajar-ajar cucu-cucu lah. Pasal cucu-cucu

**NS: Penyambung legasi**

MK: Haah. Cucu-cucu. Tapi semua pakai *by heart* [dari hati]. Pasal cucu-cucu pun banyak yang sekolah ini apa, sekolah seni. Ada yang dah masuk dekat *U* [university] tu dia ini UPSI [Perak] dia pun boleh menyanyi. Ada bakatlah daripada kita.

**NS: Oh. Memang ketengahkan kepada cuculah?**

MK: Ye banyak pada cucu-cucu. Dia minat.

**NS: Sebab. Okay. Soalan seterusnya, kan sekarang kan kita dah-- macam hadapan. Dan maju kan dengan teknologi yang berbagai-bagai kan.**

MK: Saya

**NS: *And* [Dan] dari situlah datangnya muzik yang pelbagai-- genre. Jadi apa pendapat Pakcik-  
- Karim tentang penerimaan Ghazal ni terhadap industri muzik zaman sekarang?**

MK: Oh. Penerimaan ghazal. Zaman sekarang ni memang baguslah. Jangan dicampur-campurkan dengan lagu-lagu yang seperti-- macam ada rap ada apa tu. Pakcik tak sukalah itu. Tak sesuai lah. Kalau ghazal nanti dimasuk-masuk rap itu dah jadi apa. Ghazal apa. Kalau lagu-lagu yang klasik betul, lagu-lagu yang sesuai lah yang kita dengarkan. Itu yang kita-- minat yang kita boleh-- ketengahkan.



**NS: Pakcik Karim pernah tak berjumpa dengan penyanyi-penyanyi tersohor ghazal ataupun pemain muzik tersohor ghazal. Pernah tak jumpa diaorang?**

MK: Maksudnya siapa tu?

**NS: Pakcik Karim sendiri, pakcik Karim sendiri dah terkenal dalam bidang ghazal ni kan. Selain-- Pakcik Karim, Pakcik Karim pernah tak berjumpa dengan --**

MK: Tokoh seperti arwah Pak Ngah eh?

**NS: Haa haah! Pernah jumpa ke?**

MK: Ha pernah. Eh memang kita. Dia panggil saya \_\_ dia. Arwah tu, dia memang baik. Eh kita pernah jumpa. Pernah--. Memang sama-sama.

**NS: Pernah sama-sama. Satu *stage* [pentas]. Satu pentas.**

MK: Ye saya--. Haah. Baik orangnya arwah Pak Ngah.

**NS: Jadi set-setelah sekian lama dalam-- bidang ghazal ni, siapa yang Pakcik \_ Pakcik Karim rasa menjadi semangat menjadi penguat untuk Pakcik karim kekal dalam bidang ni sampai bila-bila?**

MK: Penguat semangat itulah yang ketua ghazal kita yang-- dah takdelah tu. Ketua ghazal Seri Melati dan juga pemimpin, Abdul Wahid Aziz. Dia memang kita kenanglah sampai bila-bila.

**NS: (mengangguk) Faham – faham. Jadi kalau selalunya ghazal ni dia dipersembahkan dimana selalunya?**

MK: Selalunya kalau ghazal-ghazal sekarang ni persembahan di macam majlis-majlis orang kahwin, majlis-majlis kalau takde PKP [Perintah Kawalan Pergerakan] ni rumah-rumah terbuka hari raya. Tapi sekarang ni tak boleh lah kan dah PKP [Perintah Kawalan Pergerakan] kan. Tu majlis- majlis macamtu. Kadang-kadang diorang ada-- macam hari jadi ke apa boleh. Kalau ada undangan boleh.

**NS: Hari jadi secara besar-besaran lah macamtu?**

MK: Ha iye. Boleh. Insha allah ada--. Kalau dulu kan selalu kat tempat-tempat macam penghulu, ketua kampung. Sekarang ni dah takde. Tapi sekarang ni majlis- majlis rumah terbuka, orang kahwin ke apa-apa gitu.

**NS: Pakcik Karim, Pakcik Karim kan ada tanya kan, ada kata yang pakcik ada satu kumpulan yang nama dia Seri Melati kan. Kumpulan Ghazal Seri Melati. Ada tak korang kalian ada macam tempat tersendiri untuk berlatih ataupun hanya berlatih di rumah sahaja ke macam mana?**

MK: Kalau dulu – dulu masa Seri Melati, masa arwah-arwah ketua tu ada, memang berlatih di rumah dia lah. Di rumah dia di-- apa Kampung Melayu. Tapi sekarang ni, tapi sekarang ni kita semua masing-masing lah. Kita dah pengalaman jadi kalau ada program apa-apa semua beritahu telefon gini-gini je terus pergi kat majlis tu semua dah-- boleh *join* [sertai] lah. Takde masalah pape.

**NS: Oh faham-faham. (terdiam seketika)**

MK: Tanya lagi tanya (ketawa kecil)

**NS: (tergelak kecil) Pakcik Karim rasa adakah seni kebudayaan ghazal ni dapat dikekalkan dalam jangka masa yang lama sebab sekarang pun pandemik kan jadi kita kat rumah je. So [jadi] ada tak macam pakcik tengok dekat tv iklan-iklan ghazal ke ataupun siaran-siaran yang menyiarkan tentang ghazal?**

MK: Kalau sekarang ni memang tak boleh keluar jadi kalau berlatih-- pun kekadang sorang-sorang dengan cucu kadang-kadang. Cucu yang dekat-dekat yang boleh datang. Yang jauh-jauh tak boleh datang ni. Nak rentas daerah pun tak boleh kan. Kita kekalkanlah gitu memang kalau-- khususnya kalau Ghazal di Johor ni memang *in shaa Allah* [jika Allah izinkan] dia tak boleh habis. Insha allah. Banyak jaminan-- . Pasal di radio Johor pun, dia kalau hari Jumaat tiap-tiap pukul 2:30 memang ada rakaman ghazal lah. Macam-macam kumpulan. Ha ye.

**NS: Oh dekat radio. (menulis sesuatu)**

MK: Kat *Youtube* pun ada.

**NS: Dekat mana pakcik?**

MK: Kalau dekat *Youtube* tu macam dia dah buat rakaman dekat situ dia keluarkan dekat *Youtube* tu.

**NS: Oh**

(terdiam seketika)

**FA: Pak Karim. Kelab Pak Karim ni dia ahli dia terdiri daripada ahli keluarga Pak Karim sahaja ke ataupun daripada orang luar boleh *join* [sertai]**

MK: Ahli ni. Keluarga sendiri pun ada, orang luar pun ada. Tapi sekarang ni kita dah ambik generasi baru lah. \_ baru, yang orang main gitar tu dia bukan macam orang dulu lagi. Kita ambik orang gitar import khas daripada orang *night club* [kelab malam]. Dia takde kerja dia ikut kitalah. Dia ikut kita. Jadi dia boleh main ghazal. Main kord, main ghazal. Lepastu kalau lagu-lagu terkini serah pada dia. Pak Karim main kord aje. Keistimewaan dia. Jadi kita berterusan kumpulan ni. Jadi kalau masalah kalau nak buat rakaman, rakaman dekat radio, terpaksa kita import orang-orang yang-- boleh bermain ghazal yang-- betul-betul macam violin, itu apa gambus, kita kena importlah. Kalau rakaman sahaja. Kalau tempat orang kahwin kita pakai orang-orang kita jelah. Budak-budak mudalah. Muda tak muda jugalah tapi dah empat puluh lebih lima puluh lebih gitulah. Dah otai-otai.

**NS: Andai kata lah kan kalau peralatan-peralatan dalam ghazal tu macam rosak ke ataupun sebagainya, pakcik dam ahli kumpulan pakcik baiki sendiri ataupun ada hantar (gagap) dekat kedai tertentu untuk baiki peralatan tu?**

MK: Kalau baiki alat tu kadang ada-- *member* [kawan] yang boleh-- buatlah, boleh *repair* [baiki] macam \_ \_ \_ kalau rosak ke apa. Ataupun kita bawak ke Kuala Lumpur-- di \_ Seng sana. Dia boleh repair dia punya alat-alat tu. Peti harmonium. Kalau mata dia rosak ke apa.

**FA & NS: Oh**

**NS: Jadi macam kalau dekat majlis kahwin tu memang alatannya khususnya peti harmonium tu saja ke ataupun ada lain-lain? Macam tamborin ke?**

MK: Kalau di majlis kahwin ni biasanya alat-alat muzik yang terkini kita bawak tu yang moden kan kita ada campurkan dengan base gitar, tabla, kemudian \_ gitar. Lepastu lagu-lagu kita pelbagaikanlah. Taklah semestinya lagu ghazal aje kan. Dua-- tiga lagu ghazal lepastu campur lagu-lagu apa-apa yang sesuai. Joget. Inang. Apa benda. Boleh kita masukkan.

**NS: Faham. Fikrie nak tanya pape lagi?**

MK: Ha tanya

**FA: Setakat ni syaf punya soalan dah habis?**

**NS: Sudah. (mengangguk)**

**FA: (tersenyum) Apakata Pak Karim kita rehat dulu untuk sesi ni, kita rehat dalam lima minit.**

MK: Rehat dulu. Boleh

**FA: Lepastu kita sambung untuk sesi seterusnya.**

MK: Baik--. Okay. Boleh. minum air dulu.

**NS: Terima kasih Pak Karim**

**FA: Ayat penutup**

**NS: Dengan ini berakhirlah sesi temubual sejarah lisan sesi pertama mengenai bidang seni muzik ghazal bersama Encik Mohd Karim Bin Abd Rahman. Kami mengucapkan ribuan terima kasih di atas kesudian dan kerjasama beliau untuk diwawancara. Sekian, terima kasih.**

**FA: Assalamualaikum warahmatullah hi wabarakahtuh dan salam sejahtera. Berikut adalah temubual sejarah lisan sesi kedua mengenai latar belakang dan pengalaman hidup seorang tokoh dalam bidang seni muzik ghazal. Bersama-sama kami ialah Encik Mohd Karim bin Abdul Rahman yang merupakan seorang penggiat seni muzik ghazal. Rakaman ini dijalankan pada Tarikh 22 Mei 2021 bersamaan dengan hari sabtu pada pukul 10:45 pagi bertempat di platform *Google Meet*. Temubual ini dikendalikan oleh Fikrie Aiman bin Khairul Anuar dan Nurul Syafiqah binti Mat Isa. Dengan segala hormatnya temubual dimulakan.**

**FA: Jadi pak Karim kita teruskan dengan sesi seterusnya.**

MK: Ok

**FA: Sesi ni kita ke soalan yang lebih khusus la, tentang penglibatan pak Karim dan ghazal.**

MK: Ha ya

**FA: Ok. Tadi masa sesi satu pak Karim ada cakap pasal ada ghazal parti, ghazal daripada Kedah--**

MK: "Uhm uhm" [iya]

**FA: Ha so [jadi] sebenarnya ghazal ni terbahagi kepada beberapa jenis?**

MK: Dia maknanya kalau terbagi tu ada dua la. Kalau di Kedah sana sebutan dia Ghazal Parti, dia gunakan gambus, gunakan gendang yang-- besar tu akodian, violin. kalau ghazal pior yang di Johor ni maknanya ghazal khas ghazal johor dia takde gunakan akordian, dia takde gunakan macam kiuban yang besar tu, gendang-gendang yang besar tu ha takde tu beza dia antara Kedah dengan-- Johor la. Johor ghazal yang betul, ghazal Johor betul.

**FA: Dia beza daripada segi alat muzik dia la?**

MK: Ha ye. (mengangguk) Alat muzik dan juga persembahan-persembahan lagu-lagu dia pun kalau yang Kedah tu dia bercorak-corak macam lagu-lagu yang berbentuk, macam gambus

kan. Macam lagu-lagu nasyid haa dia kalau nak main lagu pakngah balik dia tak sesuai pulak hahaha (ketawa) kalau-- ghazal Kedah kan. Ha kalau-- macam yang kita ghazal Johor ni kita boleh bawak lagu-lagu nasyid macam gitu pun kita boleh bawak juge-

**NS: Boleh bawak lagu nasyid?**

MK: Apa pulak tak boleh ghazal, boleh bawak

**NS: Kalau saya nak dengar sikit boleh?**

**FA: (ketawa)**

**NS: Saya suka la dengar pakcik nyanyi. Sedap (ketawa)**

MK: (ketawa) lagu nasyid-- tak bawak pulak buku dia ha (melihat jika ada buku)

**NS: Ooo ada buku**

MK: Kalau lagu-lagu-- ha dia semua ada buku, satu beg ha--.

**NS: Ooo**

MK: Kalau pergi orang kawin satu beg. Kalau lagu-lagu yang berbentuk lain tu ha boleh kita-  
- boleh ketengahkan. Macam contohnya-contohnya macam lagu yang berbentuk asli, pernah dengar lagu EYE [nama kumpulan muzik] tak?

**FA: Tak pernah (menggelengkan kepala)**

**NS: Tak pernah pakcik**

MK: Tak pernah?

**NS: Tak**

MK: Lagu dia 'Bimbang Serumpun Kasih Terbuang'. Pernah dengar tak?

Ha

**NS: Tak pernah (menahan ketawa)**

MK: Atok mainkan

**FA: EYE tu nama kumpulan eh [ke]?**

MK: Nama kumpulan dia EYE

**NS: Ooo**

**FA: Nama kumpulan tu macam pernah dengar**

MK: Haa ini sekarang atok mainkan lagu dia. Ahh lagu dia bentuk asli tapi budak budak rock yang main. (bermain alat muzik) (menyanyi) “kemana nak ku bawa hati ini hancur tak terkata. \_ \_ \_ terhapus. \_ tak jejak di dasar kayangan. Namun ku masih keliru bila engkau mencurahkan kata. Kita harus berpisah apa \_ atau kau bersenda. Kasihhh katakanlahhh bicaramu itu hanya gurauan. Hanya engkau sahaja idamanku payah ku temu. Bimbang (Tarik suara) aku bimbang engkau hilang bawa serumpun kasih. Yang telah ku semaikan di hatiku hanya untukmu.” (tamatkan nyanyian dan alat muzik) ha itu dia dari kumpulan EYE

**NS: Sedap**

MK: kalau macam \_ orang kawin kita bawaklah lagu-lagu macam gini campur kan ada zapin ada apa.

**FA: Kumpulan EYE ni kalau tak silap dia kumpulan zaman rock kapak 90 an dulu kan?**

MK: Iya betul. (mengangguk) Iya. Zaman rock kapak.

**FA: So [jadi] ghazal pun boleh bawak la lagu-lagu macamni?**

MK: Boleh bawak. In shaa Allah. Boleh bawak. Sedap lagu ni. Kalau awak nak nyanyi boleh, atok boleh *backing* [mainkan alat muzik] (ketawa)

**FA: (ketawa)**

**NS: Fikrie pandai nyanyi pakcik, sedap dia nyanyi (sambal menahan ketawa)**

MK: *Alhamdulillah* [syukur pada Allah]. Tanya lagi

**FA: So [jadi] ada dua la jenis dia, ghazal parti dengan ghazal asli ni. Kalau ghazal parti tu pak Karim biasa main?**

MK: Ghazal parti tu tak biasa main tapi pernah-- jumpa masa ada satu *show* [persembahan]dekat Kedah dulu kita ghazal pastu dia ghazal parti. Pernah jumpa la

**FA: Pernah jumpa la?**

MK: Tu lagu dia bentuk-bentuk lagu gambus la

**FA: Ohh dia pakai gambus**

MK: Ya dia pakai gambus, akodian

**FA: Tapi ghazal ni dia asalnya kan daripada arab, daripada India, Parsi kan? So [jadi] lagu-lagu dia pun bercorak macamtu juga ke macam mana?**

MK: Lagu tu memang ada bercorak-corak yang macam gitu daripada asalnya. Tapi sekarang ni kita dah-- macam dah beralih ke kat Malaysia ni lagu-lagu tu yang berbentuk macam sejarah-- macam itu la macam pakngah balik macam ceritakan macam apa \_ nelayan. Macam ni lagu ghazal macam pulau tioman, semua ada sejarah-- dia tu la, dia berbeza la.

**NS: (mengangguk)**

**FA: Okay (mengangguk), jadi apa peralatan muzik yang biasa digunakan dalam nak main muzik ghazal ni?**

MK: Ha kalau dulu muzik ghazal ni dia punya barang dia berbeza sikit, kalau gambus dia, dia gambus sekarang ni panggil \_ kalau dulu dia panggil gambus udang yang dia punya \_ panjang. Sekarang tak pakai lagi la gambus udang tu.

**NS: Ohh yang banyak banyak tu eh pakcik? Yang kecil-- panjang macam tu kan?**

MK: Haa ya kecil-- panjang ha gambus udang. Dia selain daripada tu macam kalau alat dia macam peti harmonium tu penting ha tabla, violin, gitar, ha markas, tamberin tu yang penting la.

**FA: Banyak la alat dia?**

MK: Ya-- banyak.

**FA: Jadi kalau macam Pak Karim buat persembahan tu banyak la orang diperlukan dalam satu kumpulan ghazal tu?**

MK: Itu dalam tujuh ke lapan orang ha dengan alat-alat muzik masing masing dengan PA sistem kita. Kalau sekarang ni ghazal kalau takde PA sistem yang baik, jadi suara, *sound* [bunyi] tu tak keluar kan, jadi orang kawin kan sibuk dengan-- jemputan, dengan apa ha dengan dengan makan dengan apa tak dengar kan. Jadi kita perlulah nak cari *sound* [bunyi] yang baik kan. Kena cari PA sistem yang baik. Kalau dulu dia takde menggunakan alat-- anu ni dia taruk satu mic tu dia taruk tengah-- ha lepastu pandai pandai la. Takde *mic--* [mikrofon]. Sekarang ni satu alat muzik satu *mic* [mikrofon] sistem. Ha satu *mic--* [mikrofon] ha. Jadi keluar semua ha baru sedap.

**FA: Baru boleh dengar semua.**

MK: Ya baru dengar semua sekali. Tapi ada *technician* [juruteknik] yang *balancing* [seimbangkan] la. Dia takleh kuat sangat antara ‘pe’-pemuzik dengan penyanyi. Kena *level* [selaras] kan.

**FA: Kalau macam dekat kenduri kawin tu kan, ada tak yang macam diorang *request* [minta] nak nyanyi sendiri. Macam-**

MK: Ya memang--

**FA: Macam pak Karim main-**

MK: Memang ada. Kalau dekat kenduri kawin tu nanti ada “pakcik pakcik saya nak nyanyi lagu ni” (mengajuk) ha boleh kita boleh *backing* [sokong dengan alat muzik] *in shaa Allah* [jika Allah izinkan] biasanya lagu-- yang dia nak tu kadang kadang macam lagu-- penawar rindu, ha lagu-- tu memang selalu kita bawak la. Memang kita boleh, boleh *backing* [sokong dengan alat muzik]. Kadang kadang ada lagu-- yang lain, kena cari jugaklah. Memang ada.

NS: (mengangguk)

**FA: Pak Karim ada tak buat lagu sendiri dalam ghazal? Lagu sendiri. Ke Pak Karim bawak lagu-- yang dah ada je?**

MK: Lagu sendiri ada, (mengangguk) ada juga. Ada pernah buat. Album inilah macam Seri Melati Dangdut, ha ada-- buat masa rakaman dekat ni-,

**NS: (terpegun) Dangdut**

MK: Studio-- dekat ni dekat Negeri Sembilan.

**NS: Oooo**

MK: Dia pakai Seri Melati Dangdut, kena cari la. Ada-- . Lagu-- tu banyak ciptaan saya la.

**FA: So [jadi] dia punya lirik tu macam mana pak Karim-**

MK: Lirik -- tu

**FA: orang kata susun-**

MK: Lirik tu anu ilham tu macam dia dapat secara spontan la masa-- tahun-- enam puluh an tu dapat apa tu lama lagu tu ni dah --. Ada berapa buah lagu masa irama dangdut tu. Lagu-- ciptaan saya sendiri. Kalau dikemukakan di radio mungkin popular juga lagu tu pasal lagu tu



kita buat berbentuk kaset. Jadi dia-- ada peminat-- dia yang tau la. Kalau nak cari kaset tu Seri Melati Dangdut. Mungkin ada.

**FA: Seri Melati Dangdut. Nama album dia la, nama album pakcik tu la?**

MK: Ya--

**FA: Lirik dalam ghazal tu biasanya dia ada ritma dia sendiri ke?**

MK: Kalau lirik dalam ghazal biasanya kadang kadang ikut sejarah. (sambil berfikir) Kalau macam bentuk-- macam lagu macam bukit-- kesenangan. Itu dia macam dia macam ada citer-- macam (menyanyi sambil mengingati lirik) \_

**FA: Dia citer pasal sejarah la?**

MK: Haa sejarah-- (ketawa) Macam lagu yang arwah pak Deris buat tu Bukit Kepong ha tu sejarah. Banyak lagu. Kalau-- nak-- itu lagi kalau turun di Johor, kan, memang kalau khasnya kalau di Yayasan Warisan tu kalau memang lagu lagu ghazal tu memang ada tersimpan dia punya tu, *CD* -- [Cakera Padat]. Kalau awak nak-- itu nak lebih *detail* [terperinci] lagi berkenaan ghazal ni. Saya punya anu menantu saya ada di Kuala Lumpur. Awak boleh telefon-- dia. Ha itu dia lagi dia memang, dia memang pakar rujuk bahagian-- ghazal-- ni. Awak tanya dia apa -.

**FA: Dia bekerja sebagai apa?**

MK: Dia sebagai pulis. Tapi dia-- kerja di PULAPOL. Jadi dia di bahagian muzik. Dia di bahagian muzik. Nama dia Rozaidi. Orang kenal dia sebagai Roger, Mr Roger. Dia memang, kalau orang tanya berkenaan ghazal ni memang dia suka, macam-macam dia boleh jawab. Dia pun ada jual *CD*-- [cakera padat] dia lagu-- ghazal-- lama semua ada. Boleh *contact* [hubungi] dia. Kalau nak nanti boleh kasi *number* [nombor] boleh telefon.

**FA: So [jadi] pak Karim kata pak Karim ada buat lagu sendiri kan? Berapa lama Pak Karim ambik masa nak siapkan satu lagu yang lengkap tu?**

MK: Kalau nak buat lagu yang lengkap tu rasa kadang-kadang kalau ilham datang tu rasa tak lama (menggeleng) dalam dua tiga hari dah boleh *complete* [siap] dah.

**FA: Ohh boleh siap dah?**

MK: Kalau ilham datang la. Pasal kita *by heart* [dari hati] kan? Haa kita-- kalau masuk ilham tu kita masukkan dalam kaset. Jadi kita ingat kita pusing-- lagu tu kita ingat. Sekarang ilham tak masuk lagi dah. (ketawa) Dia dah kabur.

**FA: Kiranya lagu-- ni pak Karim buat sendiri ke ataupun dengan kumpulan Kelab Seri Ghazal ni?**

MK: Saya buat sendiri. Kemudian *arrangement* [susunan] sama sama la. \_\_

**FA: Ohh lirik-- Pak Karim sendiri la lepastu susun sama sama?**

MK: Haa ye

**FA: Ohh macamtu. Saya ada buat satu *research* [kajian] apeni dia kata ghazal tradisional, ghazal dulu-dulu biasanya dia banyak berkisahkan tentang percintaan macamtulah.**

MK: Haa memang ada. Yang dulu-dulu memang ada bentuk-- percintaan. Ada. Pelbagai.

**FA: Dia banyak la eh?**

MK: Ya.

**FA: Percintaan, sejarah.**

MK: uhm [ya]

**FA: Okay seterusnya Kelab Ghazal pak Karim ni Namanya Kelab Ghazal Seri Melati?**

MK: Ha Seri Melati Ghazal.

**FA: Seri Melati Ghazal**

MK: Johor ya, Johor Bahru.

**FA: Ha dia ditubuhkan sejak bila tu Pak Karim?**

MK: Ditubuhkan ghazal ni (membaca) enam puluh Sembilan. Tahun nam puluh sembilan [1969] tertubuhnya kumpulan Seri Melati Ghazal Johor Bahru. Enam puluh sembilan [1969] hingga sekarang. Enam puluh sembilan [1969]. Sekarang *more* [lebih] generasi baru la. Yang lama dah takde.

**FA: Kelab tu dulu siapa yang awal-- pengasas dia? Yang menubuhkan kelab tu?**

MK: Pengasas dia, tu yang ketua ghazal yang lama tu yang dah meninggal. Arwah Mohd Noh Said dan juga Abdul Wahid Aziz. Pengasas dia. Kita ni ahli kumpulan je. Kemudian kita sekarang ambik alih. Dia dah takde semua. Kita beli barang barang dia. Kita bukak sendiri la kumpulan tu.

**FA: Dulu masa awal ditubuhkan tu Pak Karim memang dah jadi ahli la? Daripada awal ditubuhkan tu?**

MK: Haa dah jadi ahli. Saya mula-- saya main gitar. Main gitar dan juga nyanyi la.

**FA: Ohh Pak Karim mula dengan main gitar?**

MK: Haah

**FA: Gitar tu dia pakai gitar yang biasa--. Gitar pun ada--.**

MK: Dia gitar--, dia pakai gitar kapak la. Gitar tong. Dia tak boleh-- menggunakan elektrik. Gitar kapak. Pencapaian taknak anu, tanya?

**FA: (ketawa) Nak. Belum sampai lagi (bercakap sambal ketawa)**

MK: Ohh belum sampai. (ketawa)

**FA: (ketawa)**

MK: (ketawa)

**FA: Kelab ghazal Pak Karim ni kalau macam sebelum adanya wabak covid (sejenis penyakit) sebelum PKP ni kan, dia selalu la buat persembahan kat luar?**

MK: (mengangguk) Selalu juge. Macam yang lepas tu hari ada biasanya tiap-tiap tahun kita main dekat ni ghazal dekat pentas angsana. Angsana Johor. Tiap tiap tahun kita ada buat, kita main lagu raya kat situ la. Sekali *last--* [kali terakhir] yang macam gini habis dibatalkan la. Dan tiap tiap kita tahun kita ada *show* [persembahan] dekat pentas tu. Kita main lagu lagu ghazal, main lagu lagu raya, main lagu lagu klasik la. Lepastu \_\_

**FA: Selalu kalau hujung hujung puasa nak raya tu-,**

**NS: Mungkin tu pakcik kut saya nampak**

**FA: dekat angsana tu kelab ghazal la.**

MK: Haa ye. Tapi kalau \_\_

**FA: Ohh saya selalu datang angsana**

**NS: Saya pun selalu.**

**MK: Sekarang dah tak dapat dah. Tak boleh buat apa dah. Sedih la.**

**NS: Ha itulah. Covid [sejenis penyakit] kan.**

MK: Yela *Covid* [sejenis penyakit]. Kita nak marah pun tak boleh. Semakin banyak yang meninggal ni. *SubhanAllah* [Maha Suci Allah]. Bersabar je la.

**FA: Hm betul. Ha ni kalau boleh saya tau la, biasanya kalau macam Pak Karim dengan kelab ni buat persembahan, berapa harga yang ditawarkan?**

MK: Ooo harga yang ditawar, tengok kawasan. Kalau kawasan Johor Bahru ni. Kalau kawasan Johor Bahru, maksudnya sekitar Johor Bahru la. Bukan pergi ke kota ke, Segamat ke, tak. Tapi kawasan Johor Bahru je *complete* [lengkap] dengan PA sistem, dengan penyanyi dengan apa *transport* [pengangkutan] kita ambik dua ribu lima ratus [RM2500], *complete* [lengkap] harga dia. Haa harga dia. Tapi kalau katakan macam jauh sikit. Ataupun pergi ke Kuala Lumpur, haa itu dah lain dah. Itu-,

**FA: Kira kos perjalanan semua la.**

MK: Itu pun jejak sampai enam la.

**NS: Uishh (terkejut)**

MK: Iya enam ribu. Pasal kita sewa-- PA sistem dekat sana kan. Ada pernah dulu-- masa-- Muhiyidin Yasin jadi timbalan, haa berapa kali kita main dekat rumah penginapan dia.

**FA: Oh ye?**

MK: Orang setiausaha politik dia uruskan. Hoo MasyaAllah. Dia tak kisah bayaran macam gitu kan? Dia suka pasal dia orang Johor. Perdana Menteri kita ni kan orang Johor. Dia suka, kadang kadang bini dia nyanyi.

**NS: Ohh**

MK: Ye, dia minat. Sekarang jadi Perdana Menteri dia tak panggil lagi dah. (ketawa)

**FA: Dia pernah nyanyi tak?**

MK: Dia dia boleh nyanyi. Tapi boleh la kita kena *backing* [sokong] juga la. Dia baik

**FA: “So [jadi] kalau macam sebelum ni la, dalam setahun tu anggaran berapa tawaran yang pakcik”- Pak Karim terima?**

MK: Ohh dalam setahun kalau takde *covid* [sejenis penyakit] ni kira kira banyak juga pasal kita ada *link* [hubungan] dengan ini yang buat buat anu ini apa, pereka-- untuk pelamin pelamin ni. Selalu dia *contact* [hubungi] kita la. Dia ada *contact* [hubungi] kita, jadi dia Pak Karim gini-. “Sekarang dah *covid* [sejenis penyakit] dah tak--. Kalau dia *booking* [tempah]

pastu dia 'tak' - jadi kan." Yang ada dah bayar deposit. Yang ada dah bayar deposit, deposit tu simpan je. Jangan saya terpakai pulak. Mampos (ketawa). Yang ada dah 'tahun' - berapa ada nak buat apa tah dah kasi deposit lima ratus senyap je. Tengok jadi ke tak jadi taktau. Kalau jadi kena \_\_\_. Tak boleh buat apa la.

**FA: Itu la. Tak boleh buat apa kan.**

MK: Itu la. Sedih la. (ketawa)

**FA: Kira kat sini ada *link* [hubungan] dengan majlis-- perkahwinan.**

MK: Ha majlis perkahwinan. Kalau JKKN pun ada pernah masa perjumpaan hari raya tahun-berapa dulu. Lepas dia buat \_\_\_ hari raya. Sekarang dah takde la. Tak boleh buat apa kita ni. Akur je la.

**FA: Kalau dengan macam pertubuhan NGO ke apa, kelab ni ada *link* [hubungan] tak dengan mana mana NGO ke apa? Untuk nak memudahkan buat, untuk nak memudahkan buat persembahan la.**

MK: NGO takde. Takde kita persendirian.

**FA: Okay. Kalau macamtu kita masuk pada pencapaian la.**

MK: Boleh

**FA: Jadi, apakah pencapaian yang pernah Pak Karim kecapai dalam bidang ghazal ni?**

MK: Pencapaian kalau dari Seri Melati Ghazal ni, pernah menjadi Juara Pertandingan Ghazal anjuran RTM [siaran radio & televisyen]. Johan di Pulau Pinang tahun 1975. Kemudian Johan di Kelantan 1976. Johan di Terengganu 1980. Haa \_\_\_. Semua juara.

**FA: Tu semua pencapaian dari segi pertandingan la?**

MK: Ha ye pertandingan. "Kemudian juga kita ada 'sembilan'-- tahun sembilan puluh enam kita menyertai perhimpunan ghazal dunia anjuran \_\_\_. Ha tu macam macam ghazal ada. Termasuklah ghazal ghazal yang daripada Kedah, ha kat situ yang kita boleh tau bezanya antara ghazal parti dengan ghazal Johor haa. Tahun sembilan puluh enam [1996].

**NS: Perhimpunan ghazal dunia?**

MK: Iye. Macam macam ada daripada Turki, ada daripada Iran, daripada Singapore [Singapura], daripada , fuh macam macam lagu, fesyen macam macam ada. *SubhanAllah* [Maha Suci Allah].

**FA: Perhimpunan tu bertempat kat mana, Pak Karim?**

MK: Bertempat di Yayasan Warisan. Haa nanti bas bawak kita kat mana, kat Batu Pahat, haa kat Muar buat persembahan. Tahun sembilan puluh enam [1996].

**FA: “Pak Karim ada tak dapat jemputan ke luar negara ke dalam--”**

MK: Ohh kalau ke luar negara memang banyak. Masa tu kita bersama dengan Taman Seni Budaya. (membaca) Kita pernah pergi untuk mengiringi tarian di pernah pergi ke luar negara Bersama Taman Seni Budaya mengiringi tarian di Turki, Belanda, Perancis, Switzerland, India, Dubai, Riau dan juga \_ , \_ , Pekan Baru, Batam, Singapura.

**FA: Banyak**

**NS: Banyaknya.**

MK: Iye, *SubhanAllah* [Maha Suci Allah]. Pasal di Perancis tu kita datang, tahun 80 an. Dia tak tau Malaysia ni dekat mana. Tapi orang Perancis tu dia tau Penang tu, Penang tu apa kata dia. Dia tak tau Penang tu dalam Malaysia, dan Kuala Lumpur tu dalam Malaysia dia tak tau. Jadi kita memperkenalkan, kita bawak kita punya tu la *map* -- [peta] kasi pada ni orang orang dia. Ohh dia suka tarian tarian kita memang dia suka. Tahun 80 an. Ha sekarang Perancis, Perancis dah kenal Malaysia la. Pencapaian tu.

**NS: Kiranya ghazal ni membawa impak yang besar la dalam --.**

MK: Iyee betul

**NS: Pengenalan kepada Malaysia.**

MK: Ghazal membawa impak yang --” kalau kita ke sana pun kita kena bawak lagu lagu yang berbentuk daripada Asia la. Macam macam lagu dondang sayang kita kena bawak, dikir barat kita kena bawak, lagu ulek mayang kita kena bawak haa fuhh *SubhanAllah* [segala puji bagi Allah] memang hebat.

**FA: Orang orang luar negara ni pun ada yang minat la dekat ghazal ni?**

MK: Ye ada yang minat. Agaknya kita kat sana dia rakam kita punya lagu-- gambar-- kita ada lagi kat sana simpan. Tahun lapan puluh an.

(suasana senyap seketika)

MK: Kalau pencapaian yang lain (membaca) seperti dianugerah tokoh ni pada 6 Julai 2018. Ni JKKN kasi sebagai tokoh.

**FA: Tokoh warisan, Tokoh Warisan Budaya la?**

MK: Ye warisan budaya kesenian. Tapi takde elaun apa apa pun (ketawa) Anugerah aja. Kalau Dato' tu mungkin dapat la. Ni takde la (ketawa)

**FA: Ada tak lagi apa apa pencapaian ataupun penganugerahan daripada mana mana yang Pak Karim pernah terima?**

MK: Anugerah yang lain seperti dapat pingat daripada Sultan Johor ye. Seperti ini PIS 3. Dari sultan Johor, Sultan Iskandar. Ha ini pasal pencapaian kita, saya, Pak Karim pergi luar negara la. Jadi dia nampak macam menaikkan nama negeri Johor dan nama tempat kerja ye. Pak Karim kerja kat workshop negeri, JKR [Jabatan Kerja Raya]. Itu yang dapat tu, PIS saja, Dato' belum lagi. *In shaa Allah* [jika Allah izinkan] akan datang. (ketawa)

**FA: *In Shaa Allah* [Jika Allah izinkan]**

**NS: *In Shaa Allah* [jika Allah izinkan], *Aamiinn* (semoga dimakbulkan)**

MK: (ketawa)

**NS: Kiranya pakcik Karim pernah buat persembahan depan Sultan Johor tak dulu?**

MK: Ada-- Ada pernah buat persembahan di-- Sultan Johor, Sultan Iskandar.

**NS: Berapa kali tu pakcik?**

MK: Ohh dia-- suka lagu-- yang berbentuk yang ni macam lagu Johor macam Johor \_ Club [Kelab]. Ha lagu keroncong. Ha dia suka. Kalau dia tak suka dia suruh berhenti. "Berhenti"-- (membuat gaya suruh berhenti). Arwah nya tu la. Sultan Iskandar.

**NS: Ohh Sultan Iskandar.**

MK: Orang semua takut tengok dia

**NS: Haah**

MK: Ini Surr [aura] dia lain.

**NS: 'Betul'--**

MK: Kalau datang rumah ada gambar yang saya dapat pingat tu la. Ini dekat rumah anak takde la

**NS: Ohh**

MK: Dan juga, saya ni sebagai penasihat GHAJMAS, [Persatuan Ghazal Johor Malaysia, Kuala Lumpur]. Sebagai penasihat. Yang ketua dia dibawah pimpinan Dr Kamaruzzaman. Dr Kamaruzzaman tu anak saya yang bongsu. Sekarang ni dia pensyarah dekat UPSI. Ha dia buat-- ini persatuan, kalau siapa siapa nak masuk borang ada pada pada dia. Persatuan Ghazal. Dia tak kisah, orang mana yang nak masuk dia boleh masuk. Dia ada persatuan ghazal dia sendiri.

**FA: Jadi Pak Karim sebagai penasihat persatuan dia la?**

MK: Ye. Dulu saya penasihat dengan arwah PakNgah. Arwah PakNgah dah takde, tinggak saya sorang jela.

**FA: Ohh faham faham. Jadi dalam banyak banyak pencapaian Pak Karim ni, apa yang pencapaian yang Pak Karim rasa paling tinggi la, yang Pak Karim dapat?**

MK: Pencapaian yang paling tinggi tu kalau ikut sejarah yang kita pernah pergi di pulau pemanggil, dekat, dekat Mersing sana. Kalau kita naik bot lebih kurang dalam lima jam tu. Haa. Jadi, orang sana tu, orang kampung sana tu, orang pulau pemanggil tu, dia terlalu minat dengan saya. Saya datang sana dia payungkan macam Sultan. Dia kata "Pak Karim, Pak Karim" (mengajuk) macam Sultan. Yang orang lain dia tak pandang, dia pandang saya je. "Pakai payung yang ada, yang ada--. *SubhanAllah* [Maha Suci Allah]. Memang hebat. Kita berghazal kat sana. Selalunya panggil majlis kawin la tu. Kita berghazal daripada lepas isyak tu sampai subuh.

**NS: Uhhh (terpegun) lama.**

MK: Lama betul. Macam macam lagu la tu. Banyak lagu ghazal la. Itu-- yang dibuatkan kat pentas kat tepi pulau tu lepastu orang kat bawah bawah, macam macam orang la dengan anak dengan apa duduk minat betul ghazal.

**NS: Macam tengok konsert**

MK: Haa ye tengok konsert. Memang. Sampai pagi.

**FA: Sampai pagi, itu biasa majlis apa tu?**

MK: Itu biasa majlis kawin tu.

**FA: Majlis kawin?**



MK: Majlis kawin. Dekat pulau tu. Ada satu nama pulau pemanggil. Jauh. Daripada Mersing jauh. Kalau orang Johor dia tau la. Itulah pencapaian yang paling hebat. Sekarang takde lagi dah.

**FA: So [jadi] apa perasaan Pak Karim bila macam-- pencapaian ni la. Banyak dapat anugerah ni Pak Karim?**

MK: Perasaan tu kira kita bersyukur la kepada Allah Ta'ala. Adanya ini semua pemberian daripada dia kan (menangis teresak esak) Kita kena selalu bersyukur, (mengangguk) anugerah daripada Dia. Sampai sekarang saya pun sihat *Alhamdulillah* [segala puji bagi Allah].

**FA: *Alhamdulillah* [segala puji bagi Allah]**

**NS: *Alhamdulillah* [segala puji bagi Allah]. Semoga Pak Karim Panjang umur.**

MK: *In shaa Allah* [Jika Allah izinkan].

(suasana senyap seketika)

MK: (mengelap air mata) (menghabiskan tangisan)

**FA: Pak Karim (sambil ketawa janggal)**

MK: Ha ye

**FA: Kan Pak Karim ada buat lagu sendiri kan. Boleh tak Pak Karim nyanyikan sikit lagu Pak Karim tu?**

MK: Nyanyikan sikit? Ingat ingat lupa la. Ada satu lagu joget--.

**NS: Banyak pun takpe (sambil ketawa)**

MK: Boleh boleh. Lagu joget. (Mainkan alat muzik) Lagu joget. Lagu ni pernah kita bawak pergi tarian di Perancis. (mula menyanyi) "Pohon nya rendang si bunga tanjong, harum semerbak" (nyanyian terhenti). Lupa lagunya. Lirik nya tak bawak pulak. (suara latar ahli keluarga pak Karim cuba menyambung nyanyian) (Pak Karim sambung nyanyian) "Harum semerbak di bunga tanjong, tidak tertahan harum baunya. Tidak tercapai di \_\_\_. Bimbang lemas kerna harumnya". Lupa la lirik dia. Lagu dia sedap.

**NS: Tapi sedap--.**

MK: "Ha lagu dia ber-bentuk melayu la. Tu dulu ilham ni la macam macam. Ada lagu buat untuk cucu ada ha macam macam.

**NS: Kalau lagu selamat hari jadi tu kan, kalau pakcik Karim ghazalkan boleh?**

MK: Lagu hari jadi? Apa pulak tak boleh? Boleh.

**NS: Saya nak dengar (sambil ketawa)**

MK: (mainkan alat muzik) (mula menyanyi) “Selamat hari jadi, selamat hari jadi, selamat hari jadimu, selamat hari jadi” (Berhenti mainkan alat muzik) Boleh.

**NS: Hebatlah.**

MK: *Alhamdulillah* [syukur pada Allah]. (ketawa) Nanti datang rumah.

**NS & FA: *In shaa Allah* [Jika Allah izinkan]**

**NS: Dah ada dah alamat.**

MK: Haa tau kan alamat?

**FA: Tauu**

MK: Nombor 6 Jalan Bakawali 77

**FA: Nombor 6 Jalan Bakawali**

MK: Ni dekat rumah anak. Anak ada ini-- unifi.

**FA: Haa faham faham**

MK: Nak lagu apa lagi?

**FA: Lagi Syaf (menyuruh syafiqah memberikan nama lagu)**

**NS: Lagu apa lagi? (sambil tertawa) Saya teringat nasyid tu pakcik.**

MK: Huh? (bertanya kerana kurang jelas)

**NS: Nak dengar yang alunan nasyid tu tapi ikutkan la lagu apa.**

MK: Lagu apa? Lagu dangdut boleh?

**FA: Haa boleh (teruja)**

**NS: Fikrie suka dangdut**

MK: (ketawa) Fikrie suka dangdut? Nyanyi la sekali.

**NS: (ketawa)**

**FA: (ketawa)**

MK: Lagu ini. Allah. Lagu, apa ni lagu (sambil mencari tajuk lagu) ‘Tenang biru’. ‘Termenung’. Ini ‘Pengemis Cinta’. ‘Kenangan’. ‘Jauh di Sayang’. ‘Jauh di Sayang’ ni lagu Indon. Lagu Indonesia. Jap. Dah berapa jam kita live ni.

**FA: Baruu (sambil melihat jam) sejam.**

MK: Tak kena bayaran eh. (Mula mainkan alat muzik) (mula menyanyi) “Rindu kah hatimu pada diriku, yang kini jauh dari diriku. Kalau dirimu ingat selalu, pada ku kasih yang kini jauh. Kalau la kita dapat bertemu, saat begini alangkah senang. Sayang di sayang di pulau seberang, dekat di hati jauh di sana. Rindu kah hatimu pada diriku yang kini jauh dari diriku. Kalau dirimu ingat selalu pada ku kasih yang kini jauh.” (berhenti mainkan alat muzik) Haa

**NS: Wuu (teruja sambil bertepuk tangan)**

**FA: Ni dangdut eh Pak Karim?**

MK: Ini dangdut. Saya sebenarnya kalau sejarah-- ghazal ni, kalau orang terlalu minat dengan suara saya. Taktau kenapa. Sampai ada suatu majlis tu, dia, anak dara tu, dia kata “Pak Karim nyanyi lagi saya tak boleh tidur” (mengajuk) “Lah dia kata \_--“.

**FA: (ketawa)**

**NS: (ketawa)**

MK: Majlis-- orang kawin, dia cakap macam gitu. Kata saya \_ apalah. Bini saya dah naik cemburu dah.

**NS: (ketawa)**

**FA: (ketawa)**

MK: (ketawa) Dia cakap macam gitu. Suara saya takde apa la kan. Mungkin ada tertelan buluh perindu la agaknya. (ketawa)

**NS: Suara Pak Karim sedap.**

**FA: Sedap suara.**

**NS: Sebab tu dia suka.**

MK: Itu kurnia-- Ohh Syafiqah suka ye? Nanti datang rumah atok. Boleh kenal kenal, boleh kenal kenal dengan ‘cucu’ (memandang ahli keluarganya) -- ni. Semua orang-- sini.

**FA: Ohhh**

**NS: Pak Karim, saya nak tanya.**

MK: Ha saya

**NS: Kan ada parti, eh, ghazal parti dengan ghazal johor kan?**

MK: Haa

**NS: Pernah tak antara dua-- ghazal tu ada pertandingan? Antara dua tu. Pernah terjadi tak?**

MK: Dia antara pertandingan tu takde. Tapi masing-masing tunjukkan persembahan masing-masing. Acara ghazal, pastu acara ghazal, ni ghazal parti la. Dia pertandingan takde la (menggeleng). Tapi masing masing tunjukkan persembahan. Ada sekali tu kita ada pergi Kedah la. Buat pertandingan takde lawan lawan takde la.

(suasana senyap seketika)

MK: Tanya lagi.

**FA: Apa sumbangan yang pak Karim pernah bagi la dalam bidang ghazal ni?**

MK: Sumbangan? Sumbangan maksud macam mana tu?

**FA: Sumbangan, (berfikir) tadi macam pencapaian kan? Anugerah, ni macam apa yang menaikkan nama ghazal ni?**

MK: (berfikir) Yang menaikkan nama ghazal ni.

**FA: Yang menaikkan nama kelab ghazal Pak Karim ke?**

MK: (Berfikir) Rasa kalau sumbangan tu buat persembahan apa biasanya memang takde buat sumbangan apa apa la, Cuma diorang ada dikenakan bayaran.

**FA: Ohh**

MK: Dan juga kalau biasanya kalau diorang buat ada pertandingan ghazal ke di Yayasan warisan, biasanya Pak Karim ada orang panggil jadi juri. Untuk pertandingan ghazal.

**NS: Ohh juri. Kalau untuk pertandingan ghazal tu kan Pak Karim. Pak Karim kan jadi juri kan, penilaian untuk pemenang tu Pak Karim nilai macam mana? Apa ciri-- dia?**

MK: "Biasanya kita kalau-- *group* [kumpulan], kalau *group* [kumpulan], kita 'kena'-- tengok pencap-- ". Dia keluar-- sesama satu group tu makna dia *bercombine* [bergabung] dengan

pemuzik dan juga penyanyi. Lepastu tengok macam disiplin dia, pakai baju dia dengan hormat, lepastu apabila buat sesuatu persembahan tu kita-- akan adili dia, nilai dari segi suara dia, dari segi muzik-- dia, dari segi *arrangement* [susunan lagu] dia, dari segi dia punya yang-- apa tu yang sesuai kalau kata-- muzik okay tapi kalau penyanyi kata aduh penyanyi tak boleh nyanyi pulak macam suara dia tak boleh ke ha itu kita kena-- potong markah la. Dari sudutnya maknanya banyak la.

**NS: (mengangguk)**

MK: Kalau satu-- kumpulan tu dia-- kena *bercombine* [bergabung].

**FA: Dia merangkumi semua aspek dalam tu la? Dalam satu kumpulan tu?**

MK: Ye--. Semua aspek kita kena ambik kira. Kadang kadang *tuning*-- [penalaan] ni. Dia kalau yang sumbang, ha itu kena-- itulah.

**FA: Potong la markah**

MK: Ye, potong markah.

**FA: Berikut, apa cabaran yang pak Karim pernah-- orang kata lalui la sepanjang berkecimpung dalam bidang ghazal ni?**

MK: Kalau-- pencapaian ini apa tadi?

**FA: Cabaran.**

MK: Apa tadi? Cabaran

**FA: Cabaran. Haah.**

MK: Cabaran tu kadang kadang macam cabaran masa-- tahun-- (berfikir) ini apa yang dulu-- kan cabaran tu kadang kadang kita kan dah-- ambik program pastu orang tu cancel kan, cabarannya.

**NS: (mengangguk)**

MK: Lepastu kadang kadang ada *group* [kumpulan] lain masuk pulak, jadi kita pun kenapa pulak dia ni ada *group* [kumpulan] sedangkan dia dah-- janji dengan kita kan. Cabaran-- macam macam la kan.

**FA: Kiranya dia tukar la *group* [kumpulan] Pak Karim dengan *group* [kumpulan] lain?**

MK: Haaa macam gitu la. Jadi kita pun tak boleh buat apa la kan. Orang tu pun tak bayar deposit apa apa. Itu cabaran-- salah satu daripada cabaran macam gitu la kan. Haa. Itu la.

**FA: Kalau macam cabaran Pak Karim buat persembahan pastu ada orang yang macam tak suka dengan persembahan tu ada ke?**

MK: Kalau persembahan orang yang tak suka rasa takde. Takde setakat ni semua-- nampak okay *Alhamdulillah* [segala puji bagi Allah]. Kalau kadang kadang penonoton kadang kadang penonton ada minta lagu ha kita layan la. Ha dia suka kan. Takde apa.

(suasana senyap seketika)

**FA: Ada soalan ke syaf?**

**NS: Saya ada macam baca dekat internet pasal ghazal parti ni. Dia macam antara salah satu sebab dia-- kurang-- dikenali pada zaman dahulu adalah kerana kurang apa kurang unsur-- jenaka dalam persembahan tu. Jadi saya nak tanya la dekat pakcik Karim, ghazal Johor ni dia include [masukkan] ke unsur-- jenaka *and* [dan] saya tak faham unsur-- jenaka tu macam mana sebenarnya?**

MK: Kalau unsur-- jenaka ni rasa kalau ghazal, kalau ghazal parti, memang tak-- ada la. Tapi macam ghazal parti di kawasan utara, Kedah semua takde. Tapi kalau ghazal Johor ni kalau tengok lagu la. Mungkin macam lagu jenaka macam lagu ini lagu Pak Itam Sayang, tu kan macam lagu lama tu kan. Dia macam unsur-- jenaka sikit kan. Haa. Ada juga la.

**NS: Jadi masa, masa persembahan, masa mempersembahkan lagu tu, dengan 'lenggok'-- badan (melenggokkan kepala dan badan), kira macam itu jenaka la kiranya?**

MK: Haa (menggangguk) ye la jenaka nya \_ sikit la tu kan.

**NS: Boleh Pak Karim cuba?**

MK: Ha? Cuba?

**NS: Lagu 'Pak Itam Sayang' tu. Saya pernah tengok jugak 'Pak Itam Sayang' tu. Tapi nak tengok versi Pak Karim.**

MK: Oh, 'Pak Itam Sayang' eh? (Mula mainkan alat muzik) "Amboi Pak Itam Sayang, Pak Itam kaki temberang" (berhenti menyanyi dan ketawa kerana terlupa lirik) Lirik dia tak bawak.

**FA: Ohh okay okay (sambil tersenyum)**

MK: Dia ada jenaka-- sikit la. Dia macam ada minum apa benda (buat reaksi seperti minum minuman). Dah lupa la lirik dia. Lain kali kita bawak buku dia. (ketawa)

**NS: Boleh.**

MK: Sikit-- je.

**NS: Boleh pakcik.**

**FA: Dalam ghazal ni selain daripada pemain alat muzik, selain daripada penyanyi, dia ada tarian jugak ke?**

MK: Tarian kita biasanya untuk *backing* [sokongan] la (mengangguk). Untuk *backing* [sokongan], tapi kalau khas tarian daripada kumpulan ghazal, tak ada la. Takde. Haa kalau kita untuk *backing* [sokong] lagu tarian, diorang ada kumpulan tarian sendiri di depan sana (buat isyarat menunjuk), ha ada la (mengangguk).

**NS: Tadi Pak Karim ada bagitau kitorang tentang pencapaian kan? *First* [pertama] pencapaian tu dari tahun 1995 menjadi johan pertandingan, dan di Kelantan, 1996 kan? Lepastu di Terengganu 1980. Jadi antara 1996 dan 1980 tu pakcik Karim dan Kumpulan Seri Melati tu buat apa? Antara jangka masa tu?**

MK: Oh masa yang daripada tujuh puluh enam tu sampai ke lapan puluh yang tengah-- tu saya masuk pertandingan asli. Jadi Seri Melati Ghazal tak masuk, jadi saya masuk pertandingan asli, saya dapat naib johan. Ha takde tulis kat sini.

**FA: Pak Karim masuk sebagai solo la?**

MK: Ha solo (mengangguk) Nombor-- satu ini siapa ini perempuan Terengganu tu. Hafsah Zakaria. Peserta dia dua je. Hafsah Zakaria dan Pak Karim la. Pak Karim dapat nombor 2.

**FA: (mengangguk) Okay faham**

MK: Pak Karim selang tu pastu terus masuk 1980 dekat Terengganu.

**FA: Apa harapan Pak Karim terhadap muzik ghazal ni dalam generasi yang akan datang?**

MK: Harapan saya semoga generasi ini apa akan datang untuk ghazal punya ni di johor ni semoga dikekalkan dan banyak lagi kumpulan-- yang akan "me-memajukan" termasuk yang-- apa yang muda-- supaya minat, macam yayasan warisan pun sekarang ni, dia-- ada apa untuk budak-- sekolah main alat-- muzik ghazal dan setahun sekali berapa tahun sekali nanti dia

buat pertandingan. Ha tu satu idea yang bagus la kan. Tapi sekarang tak buat lagi dah. Mungkin bajet nya. Ha sekarang sekolah seni pun ada. Kat johor ada sekolah seni dia ada- pelbagai juga. Ghazal ada? Ghazal takde. (bertanya kepada ahli keluarga nya)

**FA: Kiranya dia pupuk la seni ghazal ni dalam generasi sekarang?**

MK: Ye-- . Khasnya di Johor la.

**FA: So [jadi] pada pandangan Pak Karim la, generasi sekarang ni minat tak dengan ghazal ni? Banyak tak diorang ceburkan diri diorang dalam ghazal ni?**

MK: Generasi yang muda ni sekarang, minat-- ada tapi nak kena macam di apa dipupuk dan juga macam dipaksa tau macam sekarang macam sekolah-- tu ada ketua-- dia tu yang berminat, ha jadi dia-- macam-- dia pupuk untuk *join* [menyertai] muzik ghazal ni. Ha in shaa Allah boleh-- benda tu boleh-- kekal. Macam contohnya, macam di sekolah-- ni Kota Tinggi. Ha ni dia sekolah agama je sekolah agama Kota Tinggi tu padahal *member* [kawan] tu, Alif nama dia. Dia anak murid dia tu, anak murid dia buat *group* [kumpulan] ghazal, dia masuk pertandingan. Masuk apa-- ni, dia pertandingan ni di Yayasan Warisan ha dia masuk, padahal dia anak-- murid dia tu panggil cikgu dia tu ustad. Tapi dia minat. Ha dia minat budak-- dia masuk, anak-- murid dia masuk ghazal.

(suasana senyap seketika)

**FA: Kita masih ada lagi tiga puluh minit lagi ni.**

MK: Ohh, tiga puluh minit lagi eh?

**NS: Kalau macam alatan muzik tu sendiri kan Pak Karim, okay macam kan Pak Karim dengan ahli *group* [kumpulan] Pak Karim menubuhkan kumpulan kan? Jadi mestilah kena ada dana untuk beli-- alatan muzik tu. Jadi kalau tak, pakcik Karim tak keberatan untuk kongsi, dana tu pakcik Karim dengan ahli kumpulan kumpul macam mana? Ke ada yang *sponsor* [taja] ke macam mana?**

MK: Kalau alat-- ghazal ni yang ada sekarang ni memang saya punya sendiri la.

**NS: Beli pakai duit sendiri la?**

MK: Tapi macam -- pakai duit sendiri. Pastu-- yang macam ada juga yang-- kepunyaan sendiri la macam gitar, ada dia dia nakkan gitar tu sedap \_ dia-- beli dia beli alat gitar tu yang baik punya la dengan apa benda yang bunyi macam macam apa tu semua ada juga yang beli sendiri.



ingatan kasih tercipta. Penawar rindu padamu seorang. (bunyi alat muzik) (alat muzik dihentikan) Haa itu dia.

**FA: Terima kasih. (bertepuk tangan)**

**NS: Terima kasih, sedap. (bertepuk tangan)**

MK: Muka dia tak nampak. Dia nyanyi je. Mahal suara dia. Tu yang saya terpikat dia tu. (ketawa)

**NS: (ketawa)**

**FA: (ketawa)**

MK: Cucu pun dah ramai. Syafiqah ketawa je.

**NS: Kelab-- Melati Ghazal ni di kelab ni dikenali maksudnya mula-- terkenal bila tu pakcik? Maksudnya macam setiap kelab kan mula-- macam mesti macam orang tak kenal pastu bila ada sesuatu yang berlaku baru dia macam orang-- nampak kelab tu. So [jadi] sejak bila tu dia terkenal? Sebab apa?**

MK: Mula-- terkenal daripada ni la tahun-- masa tertubuhnya Seri Melati. Nama tu. (menggenggam tangan) Nama Seri Melati tu asal asalnya daripada kira apa ni Seri Melati tu buat persembahan di Istana Seri Melati di Pahang. Jadi amik sempena, amik sempena daripada ini istana Pahang tu, Seri Melati tu, ha tu dia bawakkan 'ke'-- jadi kumpulan Seri Melati Ghazal yang ada sekarang ni. Ha pastu terus terkenal nama dia.

**NS: Ohhh.**

**FA: Kiranya daripada awal penubuhan lagi la dah terkenal?**

MK: Ye-- (mengangguk) daripada awal penubuhan dah terkenal.

**FA: Pak Karim**

MK: Ha ye

**FA: Kalau macam kan tadi ada persembahan daripada Turki la, daripada Perancis semua tu kan, diorang bawak ghazal ni dengan lagu-- diorang la?**

MK: Betul (mengangguk). Diorang bawak cara dengan negara dia la. Haa cara dia. Dia punya

—

**FA: Dia punya rentak pun berlainan la?**

MK: Rentak dia berlainan. Kalau yang India tu dengan dia punya violin dia yang apa tu semua. Semua memang hebat la. Kita-- Negara kita dengan ghazal kita. Lepastu Kedah dengan ghazal dia. Jadi dia tengok la semua masing--.

**NS: Ghazal ni dia ada dekat dalam Malaysia ni, dia punya *specific* [khusus] negeri tu ada dekat mana? Selain Johor, Kedah?**

MK: Kalau ghazal ni memang, kalau ghazal Johor memang asal daripada Johor. Kalau-- maknanya kalau ada di apa di Kuala Lumpur tu semua pertubuhan daripada anak anak seni Johor. Haa macam-- yang anak saya bikin [buat] tu ni saya sebagai penasihat GHAJMAS tu. Dia-- persatuan ghazal Johor tapi Malaysia. Haa yang-- Dr Kamaruzzaman tu uruskan. Haa dia-- ada persatuan sendiri. Dia lagu ghazal dia, dia berbagai. Haa kalau nak-- keterangan lanjut tu kena-- jumpa dia la.

**FA: Ohh okay.**

MK: Dia-- orang-- muda. Jadi dia-- bawak-- lagu-lagu ghazal tu dengan rentak yang lain. Saya pun-- tak dapat nak tiru. Haaa masa dia nak ambik pencapaian yang PHD tu kan, dia tunjukkan di-- apa, di pentas kat ini kat Kuala Lumpur. Memang orang semua terpegun. Termasuk ini-- apa tu macam komposer \_ \_ dia pun terperanjat tengok rentak ghazal diubah. Pakngah Suhaimi pun ada. Ada tu, dia ubah. Ha dia memang. Dia memang tak-- keluar ghazal-- yang macam biasa ni (menggeleng). Dia ubah. Haa dia-- orang muda.

**FA: Kalau macam sekarang ni, ye la PKP tak boleh buat persembahan, macam mana Pak Karim dengan kelab ni haa orang kata kekalkanlah kelab ni.**

MK: Memang kita kekalkan. Kita-- *calling* [berhubung] -- dengan kawan-- haa ini persembahan ini tak jadi gini-- tapi kita akurlah, tak boleh buat apa kan. Kalau diorang dah bayar deposit pun kita simpan dulu la, sampai habis PKP ni, lepas tangguhkan akhirnya *on* [buat persembahan] balik la. Ni pun nak buat perjumpaan hari raya pun dah lama-- hari raya pun dah habis, nak perjumpaan macam mana taktau la. Lepas hari raya pun--

**FA: Tu la**

**NS: Tu la tu.**

MK: Bulan-- raya dah habis tapi main lagu raya juga la agaknya. (ketawa)

**FA: (ketawa)**

MK: Ambik berkat tu.

**NS: Ada tak kalau dalam golongan wanita yang *join* [menyertai] ghazal? Banyak tak?**

MK: Golongan wanita memang banyak. Ada.

**NS: Ooo**

MK: Adaa haa. Yang ada sebagai penyanyi, yang ada kalau peraduan -- kat Yayasan Warisan tu budak-- sekolah tu yang golongan wanita budak-- muda-- main peti harmonium, main tabla, main violin, ada (mengangguk). Ada kalau-- di Johor ni ada-- yang perempuan pun ada. Wanita ada minat.

(suasana senyap seketika)

MK: Tanya. Tanya apa lagi. Nak nyanyi? Nak nyanyi atok *backing* [sokong dengan alat muzik].

**FA: (ketawa) Saya suara tak sedap.**

MK: Dia kalau bercakap suara sedap tu, Fikrie.

**FA: (ketawa)**

**NS: (ketawa)**

**FA: Apa ni, ramai tak pelajar-- macam kami yang datang ke Pak Karim?**

MK: Apa pulak, memang ramai. Kalau awak datang rumah, saya ada sediakan satu buku (menunjukkan bentuk seperti buku) untuk-- *sign* [tandatangan] (membuat isyarat menandatangani). Ha daripada--.

**NS: Waahhhh (kagum)**

MK: Habis ni tak boleh buat apa-- (membuat isyarat tangan)

**FA: Ha tulah.**

MK: Nanti la-- datang rumah. Ada.

**NS: *Bestnyaa* [seronoknya]**

MK: Haa ada yang bagi hadiah, tapi bagi duit takde la.

**NS: (ketawa)**

MK: Ada yang bagi *frame*-- [bingkai gambar] (membuat isyarat bentuk seperti bingkai gambar) atok sangkut-- sana tu (menunjukkan arah tempat bingkai disangkut). Ada ramai!

*SubhanAllah* [Maha suci Allah] Ramai. Daripada UiTM, daripada UPSI, daripada macam--  
la.

**NS: 'Faham'--**

MK: Diorang kenal atok.

**FA: Kiranya, diorang ni mengenali Pak Karim daripada mana? Daripada sedara mara ke atau macam mana?**

MK: Mungkin daripada pihak-- daripada ini, U [Universiti]. Ha ni saya pernah pergi gini lepastu dia dia syorkan ha dia pergi jumpa \_ la.

**NS: Haa. Mulut ke mulut la kiranya?**

MK: Universiti tu sendiri. Haa mulut ke mulut (mengangguk).

**NS: Pakcik Karim selalu, mesti selalu kan di *interview* [temuramah] macam oleh wartawan-- dari siaran tv semua tu.**

MK: Ada--. Ada dulu pernah TV9 [siaran televisyen] nak amik haa nak amik apa wawancara berkenaan ghazal ni.

**NS: Majalah 3 pernah pakcik?**

MK: Majalah 3 belum pernah pulak.

**NS: Ohhh.**

MK: Takde orang-- syorkan. (ketawa) Tak payah la. Atok pun dah tua. Cari yang muda-- je la macam anak-- tu

**NS: *In shaa Allah* [Jika Allah Izinkan] mana tau cucu pakcik ke kan?**

MK: Haa pasal anak saya yang-- itu Kamaruzzaman tu yang bongso, lepastu menantu yang dekat di apa tu yang Roger tu yang dekat Kuala Lumpur. Dia memang aktif, dia pun ada *group* [kumpulan] dia sendiri kan. Dia selalu *backing*-- [sokong dengan alat muzik] anu apa ni kawan-- dia dekat-- Kuala Lumpur. Yang sekarang ni, dia main gambus, kalau tengok ini tv yang itu yang AC Mizal mengendalikan tu. Ha yang main gambus tu la itu atok punya itu la.

**NS: Yang mana satu, pakcik?**

MK: Yang Roger, yang main gambus. Yang rancangan tu apa nama?

**NS: Punchline DAC [tajuk rancangan] ke? Bukan eh?**

MK: Ye--. Betul.

**NS: Ohhh.**

MK: Haaa itu Roger.

**FA: Ohhhhh**

**NS: Ohhhhh**

MK: Haaaa

**NS: Okk. ingat-- (mengangguk).**

MK: Kena tengok. Ada tengok eh?

**NS: Ada-- (mengangguk).**

MK: Ha dia tu boleh nyanyi, boleh main gambus. Itu menantu-- pakcik.

**NS: Menantu pakcik.**

MK: Haa ye--. Dia kawin dengan anak pakcik la.

**FA: Kalau macam cucu pakcik, cucu Pak Karim ada tak yang dah mula melibatkan diri dengan ghazal ni?**

**NS: Dia pergi bertanding dan sebagainya?**

MK: Melibatkan diri dengan ghazal eh? (sambil berfikir). Ada-- juga (mengangguk) yang macam ini Reena (menunjuk ke arah cucu beliau) ni dia pernah ikut kita main violin. Ikut-- ghazal kita. Ye. Dia boleh-- baca not, main ghazal. (ketawa) Yang lain tu cucu main ini, tabla, dia pernah ikut juga la. Cuma dia-- budak muda tau la, dia macam boleh-- ikut tapi dia mudah penat kan? Pasal dia muda (ketawa). Nak kena berlatih selalu. anak--, ini cucu pakcik semua ini main violin. Dua main violin, satu main ini, tabla. Tiga-- semua boleh main violin. Haah.

**FA: Semua terlibat dengan ghazal la?**

MK: Semua ini, sekolah seni. Sekolah Seni Johor Bahru.

**NS: Ohhhhh**

MK: Ha ini-- semua ada dekat rumah. Dah PKP kan?

**FA: Haah. Betul--.**

(suasana senyap seketika)

**FA: Jadi apa perasaan Pak Karim bila kami jadikan Pak Karim sebagai tokoh untuk kami buat kajian ni?**

MK: Ohh. Perasaan tu, gembira la (mengangguk). Gembira macam dapat ilmu-- pakcik ni kita apa, curahkan pada anak--.

**NS: Kami pun gembira.**

MK: Ye -- (mengangguk).

**NS: Dapat tau banyak pasal ghazal sebab mula-- taktau kan? Tak berapa tau ghazal tu.**

**FA: Baru tau ada banyak jenis, semua.**

MK: Ha ye la. Lagi satu awak memang-- generasi muda dan orang-- ini apa Johor.

**NS: Haah.**

**FA: Haah betul.**

MK: Yang-- semalam UiTM tu yang tanya pakcik tu, dia orang asal daripada Perak. Jadi dia banyak tanya berulang-ulang (membuat isyarat tangan), dia tak paham kan? Macam awak cepat paham, ghazal.

**NS: Ohhh.**

MK: Yang semalam daripada Perak.

**FA: Daripada Perak.**

**NS: Faham.**

**FA: Faham.**

MK: Kalau nak keterangan lanjut lagi, jumpa itu menantu pakcik tu.

**FA: Ohh.**

MK: Haa. Dia memang boleh kalau tanya-- berkenaan ghazal apa--, In shaa Allah. Cuma dia belum tokoh lagi la.

**FA: In shaa Allah satu hari nanti.**

**NS: In shaa Allah. Penyambung legasi pakcik.**

MK: Orang panggil dia, dangdut star. Roger Dangdut Star.

**FA: Ada tak lagi lagu dangdut lain yang Pak Karim biasa main? Macam tadi tu saya tak berapa biasa dengar. (ketawa)**

MK: (ketawa) Dangdut lain eh? Nanti cari lagi (menyelak buku untuk mencari lagu). Ohh suka lagu dangdut eh?

**FA: (ketawa)**

MK: (sambil menyelak buku) Lagu dangdut *slow* [perlahan] ke laju?

**FA: *Slow* [perlahan] pun okay jugak.**

MK: Kalau *slow* [perlahan] lagu ni, 'Termenung'.

**NS: Termenung ku sendiri ke? Bukan eh (ketawa)**

MK: Bukan. (mula menyanyi) "Dalam aku termenung--". Sedih nanti atok nanti atok nangis. Boleh juga.

**FA: (ketawa gelabah) 'Lagu'-- yang tak sedih la**

MK: Haa tak sedih. Atok nyanyi lagu ni. Lagu dangdut Lagu dangdut ni, lagu Rhoma Irama. Lagu Irama ni, lagu dia nama dia, 'Pengemis Cinta'. (Bercakap dengan ahli keluarganya). Pengemis Cinta--. Pengemis cinta bukan lagu ni, Ella. Ella ada lagu pengemis cinta. Ni Rhoma Irama. Dah berapa jam eh *live* [bersiaran langsung] eh? Kalau bayaran dia, satu juta ni.

**NS: (ketawa)**

**FA: (ketawa)**

MK: (ketawa) Okay. 'Pengemis cinta'. (Mainkan alat muzik) (Mula menyanyi) "Aku bukan pengemis cinta, yang selalu harus mengalah, bila diputuskan cinta, dari sang kekasih. Wanita bukan engkau saja, yang ada dalam dunia, cantik bukanlah utama, menghiasi jiwa. Persetan dengan cinta, persetan dengan janji, kalau harus menyakiti, persetan dengan sumpah, persetan dengan wajah, kalau harus menderita. Aku bukan pengemis cinta, yang selalu harus mengalah, bila diputuskan cinta, dari sang kekasih. Ewahh. Patah hati bukan sifatnya lelaki, apa lagi sampai nekad bunuh diri, putus cinta itu soal yang biasa, aku tak putus asa. Sumpah dan janji bukan satu yang pasti, alasan hanya jadi tuntutan hati, sudah sering kali kau sakitkan hati, aku tiada peduli. Jangan kau sangka aku akan menderita, bila putus bercinta." Haa itu dia.

**NS: (tepek tangan)**

**FA: Dangdut.**

MK: (ketawa)

**NS: Sedap. Ada lenggok-- dia “eh eh” (mengajuk) camtu.**

MK: Haa Rhoma Irama. Dia takde keluar kat radio ni.

**NS: Ohhh.**

MK: Dia dalam-- *CD* [cakera padat] dia je.

**FA: Ohh dalam *CD* [cakera padat] dia je.**

MK: \_ Rhoma Irama. Atok memang suka, peminat Rhoma Irama. Pernah saya hantar surat pada Hj. Rhoma Irama (membuat isyarat menulis surat). Taktau alamat dia. Hj Rhoma Irama, Jakarta. Sekali sampai. Dia balas dengan gambar main gitar (buat gaya seperti bermain gitar). Terima kasih \_ peminat saya. Hj Rhoma Irama. Ye. Pasal kita asal orang jawa kan. Jadi minat, Rhoma Irama. Apa lagi?

**NS: Pakcik Karim, kalau macam persembahan tu kan.**

MK: Ha ye.

**NS: Kalau berkaitan baju kan, baju selalu baju Melayu kan?**

MK: Baju selalu memang pakai baju Melayu.

**NS: “Jadi--.”**

MK: Baju Melayu kurung Johor la.

**NS: Jadi memang kan-- mesti macam serasi semua memang satu warna (sambil menggerakkan tangan). So [jadi] siapa yang buat baju tu?**

MK: Haaa. Yang buat baju tu kita tempah la. Dengan modal sendiri.

**NS: Ohhh. Sendiri-- la?**

MK: Tempah di satu kedai ha kedai. (Mengangguk) Dia buat, selalu kalau pergi-- luar negara ke mana kena bawak baju kurung-- lima pasang. Pasal pakai nak sepasang kan? Begitu.

(suasana senyap seketika)

**FA: Biasa kalau buat persembahan dekat luar negara tu, berapa lama kat sana?**

MK: Biasa kalau buat persembahan kat luar negara tu dia tak berapa lama. Pasal dia biasanya, ada kumpulan-- yang lain. Cuma dia punya waktu tu dia macam masuk di kawasan kampung



tu, haa renyah nya kita dibuatnya. Dia *mic* [mikrofon] sistem pun dia taruk satu je. Pandai-- la kau nak nyanyi ke nak apa haa.

**FA: Ohhh laaa.**

MK: Dia-- orang kata apa, dia yang ada tu je. Dia takde taruk *mic* [mikrofon] banyak--.

(suasana senyap seketika)

MK: Apa lagi?

**FA: Tadi Pak Karim ada cakap buat persembahan kat Perancis kan?**

MK: Itu *backing* [sokong dengan alat muzik] tarian.

**FA: Oh *backing* [sokong dengan alat muzik] tarian.**

MK: *Backing* [sokong dengan alat muzik] tarian. Kemudian yang nyanyi solo, ada juga la. Nyanyi solo ada juga.

**FA: “Kalau macam dekat” --**

MK: Peminat dia. Minat. Kalau datang ramai.

**FA: Ohhh.**

MK: Dia kita punya-- apa juruacara pakai orang dia. Dia-- sebut, dia sebut tu lain tau. Kalau kita nak main lagu cinta sayang kan, dia takde, dia cakap “cinta sayung” (mengajuk). Itu *style* [gaya] dia la. “Cinta sayung” (mengajuk). Bedal aje la.

**FA: (ketawa)**

**NS: (ketawa)**

MK: Kalau-- pernah main ulek mayang, ulek mayang tu kan dia kan ada macam “surr” [aura] ke apa kan? Kita pernah buat show *backing* [sokong dengan alat muzik] tarian dekat dia taruk dekat tempat-- tah apa benda tepi-- longkang tu, belukar ke apa tu kan? Jadi-- kita main lagu tu la, main lagu tu “Ulek mayang diulek” (menyanyi), sekali-- speaker [pembesar suara] sebesar-besar tidak tu sekali ditiup angin, jatuh (menunjukkan gaya pembesar suara jatuh). BOOM (buat bunyi speaker jatuh). Nasib baik tak hempap kita. Ha. Lagu ulek mayang tu jangan main sebarang.

**NS: Haah tu la. Pernah dengar jugak.**

MK: Angin-- datang. Wah angin datang, ribut datang. Wah SubhanAllah [maha suci Allah] (menggeleng)

**NS: Kira tu pengalaman terburuk la kan, pakcik Karim?**

MK: Haa betul. Ha pengalaman tu. Pastu tak main lagi lagu tu.

**NS: Selain tu, pengalaman terburuk lain? Ada tak?**

MK: Haa. Angin tiba-- datang. Dia macam ada satu macam la tu. Itu kan macam dia puja dekat pantai haa.

**FA: Ha tu lagu tu puja benda.**

MK: Tengganu [Terengganu] tu. Kat Tengganu [Terengganu]. Takut la.

**NS: Dekat kawasan kejiranan pakcik, ada tak yang, macam mana ek nak tanya. Kawasan kejiranan pakcik ada ke yang macam selalu datang rumah pakcik tengok--? "Boleh tak pakcik Karim nyanyikan satu lagu?" (pura-pura bertanya) Ada ke selalu macamtu? Ke tak?**

MK: Kalau jiran-- tu kadang-- kita tengah berlatih ada juge datang tengok (mengangguk). Ada juge datang tengok. Minat la kan? Kalau dekat-- rumah kita tak pakai mic [mikrofon] sistem apa-- la. Bising.

**NS: Nyanyi macam tu je la?**

MK: Bising haa. Berlatih-- biasa je la. Ada je datang-- tengok. Minat juga la.

**FA: Berlatih dekat rumah Pak Karim sendiri la?**

MK: Haah. Berlatih dekat rumah.

**FA: Selain daripada yang ulek mayang tu tadi, ada tak pengalaman yang macam serupa macam tu?**

MK: Ulek mayang--.

**FA: Selain daripada ulek mayang?**

MK: Pernah. Oh selain daripada ulek mayang takde (berfikir). Ulek mayang dekat Perancis sana pernah macam gitu dan juge kita pernah buat show dekat ni City Square, Johor Bahru.

**NS: Ohhh.**

MK: Kita tengah-- ki- kira-- dalam macam pentas kat dalam kan, tiba-- angin-- tiup. Aduuhh (mengeluh). Angin tiup. Lepastu tak main lagi lagu tu.

**NS: Ohhhh.**

MK: Ha pernah-- datang (mengangguk). Dekat Malaysia pun dia datang juge. Hantu dia. (ketawa)

**NS: (ketawa)**

MK: Surr [aura] dia lain la. Dekat Malaysia pun dia datang. Tu yang pergi Perancis. Kat Perancis pun dia ikut.

**NS: (ketawa)**

**FA: (ketawa)**

MK: Memang-- hoo surr [aura] dia lain la. Jangan nyanyi-- sebarang. Kalau kau tak boleh bawak, nanti angin tiup. (ketawa). Itu ada \_ mentera dia tu.

**FA: Haah. Pak Karim pernah tak bawak ghazal ni ke belah timur tengah, ke belah arab sana? Kawasan arab.**

MK: Kawasan arab kita pernah pergi \_ dekat timur tengah, Dubai. Haaa.

**FA: Ohh Dubai. Yang tadi Pak Karim ada sebut jugak.**

MK: Haa pergi Dubai. Ada pernah. Kita pun ada main lagu-- \_ juga la. Dia memang suka (mengangguk). Kat Dubai.

**NS: “Jadi kalau macam”--.**

**FA: Dia ada tunjukkan dia punya ghazal? (tersenyum)**

MK: Haa. Zapin. Diorang suka zapin.

**NS: Jadi kalau macam pakcik Karim pergi Dubai, Turki semua tu kan. semua-- yang buat persembahan kat situ semua nyanyi ikut Bahasa diorang la kan? *Even* [walaupun] tak faham ke faham ke? Kan?**

MK: Ada-- ikut juge haa. Kat Dubai banyak arab la pakai-- itu, pakai Jubah.

**NS: Oh baju diorang, baju persembahan tu pakai jubah?**

MK: Haa. Masa tu ada berapa *group* [kumpulan] la. Ada dekat Dubai tu.

(suasana senyap seketika)

**FA: Kalau pak Karim boleh ceritakan sikit perbezaan antara ghazal daripada Asia, ghazal daripada Timur Tengah, ghazal Eropah, apa diorang perbezaan tu? Serba sedikit la.**

MK: Perbezaan tu kalau nak bandingkan dengan kita punya dengan-- yang negeri-- lain, masing-- dengan-- apa dengan cara tersendiri la. Dengan cara tersendiri la. Kita pun tak-- boleh nak hayati. Dia bentuk-- lagu dia, kita pun minat la kan. Macam-- apa, lagu-- yang daripada India tu, dia dengan violin yang ada (membuat aksi seperti bermain violin) (mengajuk bunyi violin). Itu--

**NS: Haaah.**

MK: Fuhh lagu dia macam-- filem-- Hindustan tu, memang beza la. Kemudian kalau *group*-- [kumpulan] yang lain tu macam daripada Iran daripada apa dengan cara dia la dengan cara dia, itu bentuk arab. Kalau kita macam sini, Asia macam kita Singapore sama la. Kita Singapore sama. Turki pun lain.

(suasana senyap seketika)

MK: Ha tanya apa lagi? Dah-- habis dah? Belum?

**NS: (ketawa)**

MK: (ketawa) Fikrie nyanyi pulak.

**FA: (ketawa) Lagu apa? Saya taktau lagu lama--.**

MK: Lagu 60-an boleh.

**FA: (ketawa) Saya taktau.**

NS: Lagu Ella Fikrie.

MK: Kena datang belajar la (sambil menyelak buku).

(suasana senyap seketika)

**FA: Dia kalau macam ‘rentak’-- lagu yang zaman sekarang ni, dia dah tak boleh nak masuk sangat la eh dengan ghazal?**

MK: Rentak-- yang sekarang ni, kalau lagu-- yang-- biasa macam *slow* [perlahan] rock biasa, boleh. Kalau macam yang ada rap-- ha tu tak boleh la. Ghazal masuk rap, pengsan ha. “Tak boleh kalau macam”--.

**FA: *Slow* [perlahan]**

MK: *Slow* [perlahan] macam-- lagu Saleem, macam lagu bukan aku tak cinta, kan? “saat kita berpisah” (menyanyi) ha boleh masuk.

**NS: Ohhh. Lagu Siti-- Nurhaliza boleh jugak kan?**

MK: Haa (mengangguk) Siti Nurhaliza punya lagu boleh. Boleh masuk. Boleh masuk. Jangan ada rap la. Rap kita tak suka. Budak-- muda la suka ni. Rap ni tak sampai ke mana, kan?

**FA: Ada tak artis-- tersohor negara yang *join* [menyertai] Pak Karim punya ghazal ni? Macam diorang nyanyi, pak Karim *backing* [sokong dengan alat muzik].**

MK: Ada.

**FA: Artis-- tersohor ni.**

MK: Ada.

**FA: Contohnya?**

MK: Pernah-- kita *backing* [sokong dengan alat muzik] (berfikir) Hetty Koes Endang, ha Hetty Koes Endang, Yusni Hamid, kita pernah *backing* [sokong dengan alat muzik], baik orangnya. Ada kita *backing* [sokong dengan alat muzik] dia nyanyi la. Ada artis--.

(suasana senyap seketika)

MK: Apa lagi?

(suasana senyap seketika)

**FA: Rasanya sampai situ je. Syaf ada apa-- lagi?**

**NS: Pakcik Karim ada sepatah dua kata tak untuk sebelum kami menghabiskan *interview* [temuramah] sesi *interview* [temuramah] ni. Haa pakcik Karim boleh la “cit”-, cakap sikit. Harapan ke, ataupun sebagainya.**

MK: Sepatah dua kata eh?

**NS: Haah.**

MK: Sepatah dua kata tu, mintak kita kekalkan generasi-- yang muda, supaya berminat dengan ghazal. Dan ghazal bukan saja boleh buat lagu-- ghazal, kita boleh sesuaikan dengan lagu-- terkini.

**NS: Betul.**

MK: Walaupun bentuk lagu yang macam mana, sesuai kita bawak dengan cara yang menggunakan alat-- muzik ghazal (melihat kepada alat muziknya). (mengangguk) Boleh, In shaa Allah [jika Allah izinkan]. Kita-- apa, kita panggil lah budak-- muda untuk minat ikut-- ghazal.

**FA: Kira kita pupuk dari zaman diorang sekolah lagi la?**

MK: Iye betul. Zaman sekolah lagi.

**NS: Okay, terima kasih pakcik Karim. So [jadi] saya baca skrip penutup.**

MK: Sama sama (mengangguk).

#### **SKRIP PENUTUP**

**NS: Dengan ini tamatlah sesi temubual sejarah lisan sesi kedua. Mengenai bidang seni muzik ghazal Bersama Encik Mohd Karim bin Abdul Rahman. Kami mengucapkan jutaan terima kasih di atas kesudian dan Kerjasama yang diberikan oleh beliau dalam menyempurnakan wawancara ini. Sekian, terima kasih.**

